



BERTANI SATU IBADAH

Merangsang perubahan minda petani secara menyeluruh sebagai dorongan dan penggerak utama ke arah kesungguhan dan peningkatan produktiviti kerja melalui penghayatan etika kerja berikut :

- ◆ Bekerja dengan azam mengabdikan diri kepada Allah
- ◆ Bekerja dengan ikhlas dan amanah.
- ◆ Bekerja dengan tekun dan cekap.
- ◆ Bekerja dengan semangat gotong-royong dan mesyuarah serta berpadu fikiran.
- ◆ Bekerja dengan matlamat kebahagiaan manusia sejagat.

PESANAN BUAT PETANI....

"Tidak aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku"
(Surah al-Dharyat : 56)

Allah menciptakan kita tiada tujuan yang lain, melainkan mengabdikan diri padaNya. Kita telah mengaku beriman pada Allah, lalu jangan biarkan hidup kita kosong tanpa tujuan, seluruh hidup kita hendaklah dijadikan ibadah. Beribadahlah dengan mengakui kita adalah hambaNya, tunduk pada kemahuaNya. Wahai petani, ingatlah tujuan dirimu diciptakan di bumi ini, hanya untuk mengabdikan diri pada-Nya!



QIADDAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION

قريڤلان منٲري بٲر كٲلان

FOCUS
'Bertani Satu Ibadah'

PERSONALITY
YB Che Abdullah Mat Nawi

DESTINATION
Organic Rice In Tunjong



Agriculture
is a **Devotion**





PUSAT JUALAN PRODUK

Klate

BAZAR TOK GURU SEBUAH LAGI
MERCU TANDA DI KOTA BHARU



بازر
توؤ خورو
BAZAR TOK GURU

Tempahan
**DIBUKA
SEKARANG**
Akan Beroperasi
Sepenuhnya Pada
MEI 2011

**RINGKASAN
BAZAR TOK GURU:**

- Tingkat 1 - 255 unit kedai
- Tingkat 2 - 248 unit kedai
- Kemudahan tempat letak kereta di tingkat semi basemen
- Dilengkapi dengan kemudahan lif pengunjung dan lif barangan
- 4 gerbang masuk utama
- Tempat letak bas pelancong dan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan beca
- Kemudahan Bank dan mesin ATM
- Berdekatan Dengan Pusat Penerangan Pelancongan UiTM Kampus Kota Bharu, Balai Polis, Affin Bank, Am Bank, Bank Islam Dan Surau
- Bersebelahan dengan apartmen (akan dibina)



PERUMAHAN **WADI IMAN** FASA II
MUKM MAHANG WEST, DAERAH KOK LANAS

- Fasa 1 Telah Habis Dijual
- Percuma Yuran Guaman Perjanjian Jual Beli
- Mempamerkan Ciri-ciri Dan Rekabentuk Terkini
- Akses Ke Lebuhraya Machang, Kelantan
- Berdekatan Dengan Politeknik Kok Lanas Dan Kolej Komuniti



PERBADANAN **MENTERI BESAR KELANTAN**

PEJABAT URUSAN: Tingkat 4, Bangunan PMBK,
Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-747 4082 Faks: 09-747 7815

HUBUNGI
09-747 4545



Jam'an Keluasan: 1648 persegi
RUMAH TERES DUA TINGKAT JENIS A



Wiam Keluasan: 852 persegi
RUMAH TERES SETINGKAT



Dzurroh Keluasan: 1648 persegi
RUMAH TERES DUA TINGKAT JENIS B



**10% DISKAUN
UNTUK
KAKITANGAN
KERAJAAN NEGERI**

09-747 4545
Web: www.pmbk.gov.my/e-hartanah
E-mel: marketing_pmbk@yahoo.com



PEJABAT URUSAN:
Tingkat 4, Bangunan PMBK,
Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADDAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION

قِرْدَانِ مَنْتَرِي بَسْرِكْ لَنْتِن

KETUA EDITOR

IR HJ MUSTAFA SALLEH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL

NIK AIDA NIK MOHAMED @ NIK AHMAD
PENGURUS AUDIT DALAMAN
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

PENULIS & EDITOR

M FAQIH

JAWATANKUASA EDITOR

CHE ADNAN CHE DAUD
PEMANGKU PENGURUS BESAR
DARUL DIGITAL MULTIMEDIA SOLUTION SDN BHD

NAZRI DERAMAN

PENGURUS
TUNJONG DEVELOPMENT CORPORATION SDN BHD

SAIF MAMAT

PENGURUS
DARUL DIGITAL MULTIMEDIA SOLUTION SDN BHD

PENYELARAS EDITORIAL

SHARIAH DERAHMAN
PENOLONG PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

SITI NORAZAMI MOHD ANUAR
PENOLONG PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

PENULIS BERSAMA

**SALMA HUSAIN | SHARIAH DERAHMAN
ATIFF IDRIS | MUHAMMAD BADIUZZAMAN
ZANAZANZALY | AMIRUL IKHWAN SULAIMAN
MUHAMMAD YUSRI AMIN | ROSSEM
Y. J. DASAN | AHMAD FADLI SHAARI
TUAN MOHD NOR TUAN YAHYA**

DICETAK OLEH

ROSHAM CORPORATION SDN BHD
3529-D, JALAN SULTANAH ZAINAB
15000 KOTA BHARU
KELANTAN
TEL: +6019 988 3658

PEREKA GRAFIK & PAPARAN

MOHD HAIKAL ROZAINI
EKSEKUTIF KOMUNIKASI KORPORAT
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

PEREKA BERSAMA

MOHD MUHAIMIN MOHD ARIPIN SNAP LAI GROUP
FATHI SHAFIQ AHD SUHAMI OPAQ STUDIO
NOR ADANI SYAMIMI AHMAD KAMIL

JURUGAMBAR

AHMAD NAI'ME MUHAMMAD
PENOLONG PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

JURUGAMBAR BERSAMA

**ANAS KARIMI AHMAD THANI
MUHD YAACOB DERAMAN**

PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
TEL: +609-747 4082

DARUL DIGITAL MULTIMEDIA SOLUTION SDN BHD

TEL: +609-747 3800/8802

DITERBITKAN OLEH

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
TINGKAT 6, BANGUNAN PMBK
JALAN KUALA KRAI, 15150 KOTA BHARU
KELANTAN, MALAYSIA
TEL: +609-747 4082 FAKS: +609-747 7815
LAMAN WEB: www.PMBK.gov.my

JUTAAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT SAMADA SECARA LANGSUNG ATAUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM PENERBITAN DAN PENGEDARAN MAJALAH INI.

SENARAI EDARAN

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan | Urusetia Penerangan Negeri Kelantan | Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi | Syarikat swasta terpilih | Muzium Negeri | Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandaraya Islam | Syarikat-syarikat Swasta terpilih | Perhotelan dan Agensi-agensi Pelancongan | Kedutaan-kedutaan Malaysia terpilih dan Suruhanjaya Tinggi | Kedutaan-kedutaan Asing | Institut Pengajian Tinggi terpilih dan Majlis Pelajar-pelajar | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mana-mana bahagian di dalam majalah ini samada artikel, gambar dan isi kandungan dicetak tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak PMBK. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Semua material penerbitan yang dikirimkan kepada PMBK akan menjadi hak milik PMBK. Sebarang pertanyaan berkaitan editorial dan pengiklanan serta edaran perlu di alamatkan kepada PMBK. Sidang redaksi menyediakan hak-hak untuk pengeditan dan / atau menulis semula semua bahan menurut keperluan penggunaan penerbitan



JENAMA yang dipercayai
sejak turun-temurun



Pengilang:

CHE MAH & SONS SDN BHD (278832-A)
Lot 2959, Kg. Simpang Empat, 17000 Pasir Mas, Kelantan
Tel/ Faks: 09-794 3696


Pengedar:

MINYAK MESTIKA MARKETING SDN BHD (585176-M)
No. 5, Wisma MDT, Jalan Puteri Saadong, 16250 Wakaf Bharu, Kelantan
Tel: 09-719 1332 Faks: 09-719 9925

Minyak mestika, minyak gosok yang digunakan secara tradisional untuk melegakan sakit otot, sakit sendi, terseliuh, sakit perut, kembung perut, kanak-kanak kencing malam dan digigit serangga.



Boleh didapati di kedai-kedai runcit, toko jamu, kedai ubat cina, farmasi dan MYDIN



MUKA DEPAN:
BERTANI SATU
IBADAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION

قِرَادَان مَنْتَرِي بَسَرِك لِنَتِن

Allah menciptakan kita tiada tujuan yang lain, melainkan mengabdikan diri pada-Nya. Kita telah mengaku beriman pada Allah, lalu jangan biarkan hidup kita kosong tanpa tujuan, seluruh hidup kita hendaklah dijadikan ibadah. Beribadahlah dengan mengakui kita adalah hamba-Nya, tunduk pada kemahuan-Nya. Wahai manusia, ingatlah tujuan dirimu diciptakan di bumi ini, hanya untuk mengabdikan diri pada-Nya!

PERISTIWA



08
20 TAHUN MBI

FOKUS



12
BERTANI SATU IBADAH
AGRICULTURE IS A DEVOTION

VARIASI



22
PENTERNAK UNIK

VARIASI



28
LADANG MAS MELON

VARIASI



31
PAKCU SUK

VARIASI



34
IKUT SUNNAH TERNAK KAMBING

PEMIMPIN



38
CHE ABDULLAH MAT NAWI

TOKOH



44
USAHAWAN TANI JAYA 2009

TOKOH



47
USAHAWAN TANI JAYA 2010

HERITAGE



50
PADDY FARMING

DESTINATION



54
ORGANIC RICE IN TUNJONG

MAKANAN



59
BEKO

JENAMA KELANTAN



62
ROSELLE

KELANTAN SANA-SINI



68
NASI ULAM

INSPIRASI KELANTAN



72
DATO' DR JOHARI MAT

FOKUS PMBK



78
EKSPLO CHENG HO

AKTIVITI PMBK



84
PERANCANGAN STRATEGI

AKTIVITI PMBK



86
MAJLIS UCAPTAMA CEO

TEROWONG MASA



88
TAMBATAN D'RAJA



PERISTIWA SAMBUTAN 20 TAHUN MBI

Sambutan ulangtahun ke-20 dasar Membangun Bersama Islam telah diadakan dengan penuh meriah pada tanggal 12 Zulkaedah 1431 bersamaan 20 Oktober 2010. Program penuh bermakna itu telah diadakan di Dewan Konvensyen, Kelantan Trade Centre (KTC), Kota Bharu.

Perasmian program bersejarah itu telah disempurnakan oleh KDYMM Sultan Muhammad V. Hadir sama adalah Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan barisan kepimpinan kerajaan negeri serta pegawai kanan kerajaan.

The 20th anniversary of the PAS-led government in Kelantan was celebrated with much fanfare on 12 Zulkaedah 1431 / October 20, 2010. The programme was held at the convention hall of the Kelantan Trade Centre (KTC), Kota Bharu.

The opening of the programme was graced by HRH Sultan Muhammad V. Also present were Menteri Besar Kelantan and state government leaders and senior government officials.

OMBAK INN

DIMILIKI OLEH: DMS MAJUJAYA ENTERPRISE

Murah Dan Selesa Keutamaan Kami

- Dilengkapi dengan Penghawa Dingin
- Pemancar Mandian Panas dan Sejuk
- Kemudahan Hiburan TV Warna 21"
- Kemudahan Air Minum (Kopi/Teh)
- Kemudahan Internet - Wi-Fi di Lobi
- Saluran Astro di setiap bilik

Untuk Tempahan Hubungi:
Lot 26 & 27, Blok C, Pasar Awam Bersepadu Wakaf Che Yeh
15150 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-7413060/66 Faks : 09-7413061
E-mel : ombak.inn@gmail.com
facebook : <http://www.facebook.com/ombakinn.hotel>

ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD

21-B, TINGKAT 1, BANGUNAN IKTISAD, JALAN DATO' PATI,
1500 KOTA BHARU, KELANTAN
EMAIL : ashar_travel@yahoo.com
23-1 JALAN 3/76D, DESAN PANDAN, 55100 KUALA LUMPUR.
EMAIL : ashartravel@gmail.com

PAKEJ UMRAH 1432H/2011M

TARIKH	RM			PENERBANGAN
	QUAD	TRIPLE	DOUBLE	
01-20 JUN (14H/12M)	5450	5650	6050	EMIRATES
08-18 JUN (11H/09M)	5450	5650	6050	MAS
11-25JUN (15H-13M)	5580	5780	6280	QATAR
16-25 JUN (13H/11M)	5390	5590	5890	MAS
24JUN-06JUL (14H/12M)	5480	5680	5980	ROYAL BRUNEI
24JUN-05JUL (16H/14M)	5290	5490	5980	OMAN
30JUN-09JUL (10H/08M)	5550	5890	6150	SAUDI

TARIKH	RM			PENERBANGAN
	QUAD	TRIPLE	DOUBLE	
08-21JULAI (14/12M)	5640	5840	6340	OMAN
08-21JULAI (14/12M)	5440	5640	6040	EMIRATES
16-27 JULAI(12H/10M)	5650	5850	6350	MAS

TARIKH	RM			PENERBANGAN
	QUAD	TRIPLE	DOUBLE	
AWAL RAMADHAN	6990	7590	8090	TERUS / TRANSIT
PERTENGAHAN RAMADHAN	7390	7790	8290	
AKHIR RAMADHAN	7990	8890	9900	
SEBULAN RAMADHAN	HARGA DARI RM 8990			

*SETIAP GROUP 15orang KEATAS AKAN DIIRINGI OLEH SEORANG USTAZ@PETUGAS
HOTEL MAKKAH : HOTEL HAJEJ/UJUK ALFATEH 2 atau setaraf dengannya.
(Jarak : lebih kurang 250-400 Meter)
HOTEL MADINAH : FAYROZ AL SHATTA/SOFARAA ALHUDA atau setaraf dengannya.
(Jarak : lebih kurang 50-70 Meter)

MAKLUMAT PEMBAYARAN :
NAMA AKAUN : ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN. BHD.
NOMBOR AKAUN : 603015220059 (Maybank, Jalan Mahmud)
564548178049 (Maybank, Desa Pandan)
DEPOSIT : RM 500.00

DEWAN KONVENSYEN PUSAT DAGANGAN KELANTAN

PAKEJ SEMINAR	HARGA PROMOSI RM 55 SEORANG
PAKEJ PERKAHWINAN	HARGA PROMOSI RM 38-60 SEORANG
MAJLIS IJAMUAN	HARGA PROMOSI RM 40-60 SEORANG

MEMUATKAN SEHINGGA 1000 ORANG

HOTEL APARTMENT

FAMILY	HARGA PROMOSI RM 300.00+ HARGA TARIF 340.00+
SUPERIOR DELUXE	HARGA PROMOSI RM 200.00+ HARGA TARIF 240.00+
DELUXE TRIPLE	HARGA PROMOSI RM 240.00+ HARGA TARIF 280.00+
STUDIO	HARGA PROMOSI RM 160.00+ HARGA TARIF 220.00+

- Harga bilik adalah dalam Ringgit Malaysia
- Harga adalah termasuk caj perkhidmatan 10%
- Harga adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis
- Masa daftar masuk : 2.00 petang
- Masa daftar keluar : 12.00 tengahari
- Kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun tinggal bersama tidak dikenakan caj
- Jaringan internet tanpa wayar (wi-fi) disediakan di lobi

KELANTAN TRADE CENTRE

Lot 611, Seksyen 14, 15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: +609-747 1222 Faks: +609-7470202
E-mel: ktc_resv@yahoo.com

1. Doa kepada Allah SWT menunjukkan kita lemah. Jika kita kuat, mana boleh kita minta barang orang lain. Anak kecil minta daripada ibunya sesuatu yang tidak dia miliki, mustahil meminta sesuatu yang sudah kita miliki. Demikianlah juga kita sebagai hamba, bila kita disuruh berdoa kepada Allah SWT, menunjukkan kita ni sebagai hamba yang lemah..

- Kuliah mingguan di Medan Ilmu pada 17 Ramadhan 1431 @ 27 Ogos 2010.

2. Saya berpesan kepada kita semua agar menjaga ibadat solat sekali pun berada di padang bola sepak. Kalau di padang bola sepak, tuan-tuan akan berhati-hati agar tidak dikenakan kad merah tetapi kalau berkaitan dengan solat, kad merah juga boleh dilayangkan oleh malaikat..

- Ucapan di majlis penyampaian saguhati kepada pemain bola sepak dan pihak pengurusan KAFA di Kota Darulnaim pada 20 Safar 1432 @ 25 Januari 2011.

3. Kita dalam Islam dididik bukan untuk menang pilihanraya sahaja, tetapi nak menang sehingga sampai ke akhirat. Justeru, kita perlu berpolitik biar sampai ke syurga dengan berpolitik seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT. Bumi ini milik Allah. Jika kita ke negara lain, kita perlu patuh kepada peraturan negara tersebut sekali pun kita adalah seorang pemimpin. Demikian juga kita bertandang ke bumi Allah SWT, perlu patuh kepada undang-undang kerajaan Allah SWT..

-Kuliah pagi Jumaat di DUN Tenang, Labis, Johor pada 23 Safar 1432 @ 28 Januari 2011.

4. Bila masuk ke dalam kubur, kita tidak bawa duit lagi untuk belanja, nasi tidak dibawa untuk dimakan dan air tidak dibawa untuk diminum. Gelaran Dato', Tok Guru atau apa jenis sanjungan tidak akan dibawa. Pada masa itu yang akan dicari ialah Nabi Muhammad SAW. Jumpakah kita dengan Nabi kalau di dunia kita melawan baginda?..

- Kuliah pagi Jumaat di DUN Tenang, Labis, Johor pada 23 Safar 1432 @ 28 Januari 2011.

5. Seorang yang bersolat akan memberikan salam kepada hamba-hamba Allah yang soleh di dalam tahiyatnya. Alangkah beruntungnya hamba Allah yang soleh, sering didoakan kesejahteraan oleh jutaan manusia yang bersolat saban waktu.. Indah dan hebatnya Islam. Leraikanlah kekusutan hati dengan bersolat..

- Tazkirah ringkas selepas solat Isyak di program ceramah Solidariti Bersama Kebangkitan Rakyat Timur Tengah di PUTIK pada 3 Rabiul Awal 1432 @ 6 Februari 2011.

Ada pihak tidak serik-serik melabelkan Kelantan ketinggalan di bawah teraju kepimpinan ulama. Suatu ketika ditiupkan fitnah kalau nak datang ke negeri Cik Siti Wan Kembang kena bawa bekalnya sekali.

Adu domba itu dicanang tidak lain dan tidak bukan bagi memburukkan wajah ulama. Namun mereka lupa bahawa sesungguhnya Kelantan bumi hijau. Subur bukan sekadar tanaman yang merimbun, sebaliknya kefahaman rakyat mengenai agama terpa-hat kukuh.

Di bawah tunjang Membangun Bersama Islam, sektor pertanian terus diperkasakan. Tiada pun rakyat Kelantan yang mati kelaparan sejak dua dekad lalu. Ketika orang lain sibuk dengan taman industri, sebaliknya Kelantan menghayung langkah ke arah jelapang makanan negara.

Hari ini, petani, nelayan dan penternak juga diasuh dengan falsafah Bertani Satu Ibadah. Ianya sebagai usaha menerapkan agama dalam budaya hidup masyarakat. Nawaitunya - melahirkan masyarakat tani yang mengamalkan etika kerja berpaksikan sifat ikhlas, amanah, tekun dan cekap.

Namun persoalannya sekarang apakah cita-cita yang digagas itu sudah membuahkan hasilnya. Berlatarkan isu ini, QIADAH merasa terpenggil untuk melihat sejauh mana kejayaan sektor pertanian di bumi Serambi Mekah. Mampukah Kelantan digelar Jelapang Makanan Negara pada 2015 di bawah payung Bertani Satu Ibadah.

Salam hormat



Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat



Ir Hj Mustafa Salleh



BERTANI SATU IBADAH

Oleh M Faqih Foto: Anas Karimi Ahmad Thani

TENTUNYA ramai masih ingat, rakyat negara ini menjadi kelam kabut ketika krisis kekurangan bekalan beras berlaku. Ketika itu beras yang diimport dari Thailand dan Vietnam tiada di pasaran. Musim kemarau yang melanda negara terbabit menyebabkan bekalan beras dilarang dihantar ke negara lain. Bagi rakyat Kelantan yang sudah lama sebatu dengan beras Siam menjadi seperti kempunan.

Krisis itu menyebabkan mereka terpaksa menjamah semula beras tempatan. Nasi daripada beras tempatan yang tiada aroma seperti beras Siam terpaksa menjadi pengalas perut. Ketika itu (2007) bukan sahaja beras Siam sukar dicari, sebaliknya beras

tempatan juga ada ketikanya terputus bekalan. Berita kekurangan bekalan beras saban hari menghiasi laman-laman suratkhbar.



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Namun, rakyat Kelantan masih mampu menghela nafas lega. Ketika orang lain bising kekurangan bekalan beras di pasaran, rakyat Kelantan masih



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

mampu mendapat bekalan di kedai-kedai. Sawah padi yang luas terbentang masih lagi menghijau dengan tanaman padi. Tidak banyak bendang yang sudah bertukar menjadi tapak kilang.

Inilah hasilnya selepas kesungguhan kerajaan Kelantan memperkasakan sektor pertanian, ketika negeri lain melangkah ke era perindustrian. Kelantan terus mengutamakan bidang pertanian bagi mempertahankan pekerjaan tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun. Malah Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, pertanian menjadi senjata penting ketika negara dilanda peperangan.

Kelantan Negeri Pertanian

Pertanian sehingga hari ini merupakan aktiviti utama bagi penduduk di Kelantan terutamanya di luar bandar. Contohnya pada tahun 1997, kegiatan pertanian telah menyumbang sebanyak RM660 juta atau 20.70 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri. Pada tahun 2001, keluasan tanah pertanian ialah 380,279.3 hektar iaitu 25.35 peratus daripada keluasan keseluruhan Kelantan. Getah, kelapa sawit dan padi merupakan tiga tanaman utama yang meliputi 78.74 peratus daripada kawasan tanaman.

Keluasan tanaman getah adalah sebanyak 151,878.5 hektar, kelapa sawit (76,407.1 hektar) dan padi (71,134.0 hektar). Tanaman buah-buahan pula menyumbang hampir 15 peratus daripada keluasan tanaman keseluruhan iaitu sebanyak 56,175.2 hektar. Tanaman sayur-sayuran, kontan dan lain-lain hanya meliputi 1.24 peratus iaitu sebanyak 4,732.2 hektar. Perangkaan itu dapat dilihat berdasarkan kepada jadual di bawah:

Keluasan Jenis Tanaman Di Negeri Kelantan, tahun 1997 – 2001 (Hektar)

JENIS TANAMAN	TAHUN 1997 (HEKTAR)	TAHUN 1998 (HEKTAR)	TAHUN 1999 (HEKTAR)	TAHUN 2000 (HEKTAR)	TAHUN 2001 (HEKTAR)
Getah	150872.8	150136.8	152218.6	152913.8	151878.5
Kelapa	8477.0	8339.7	8387.3	8233.0	8473.3
Kelapa Sawit	79459.0	77376.0	81196.1	80873.3	76407.1
Padi	80689.0	77697.0	79019.0	75031.0	71134.0
Tembakau	7375.0	8793.6	13274.0	11097.0	11479.0
Buah-Buahan Utama*	44759.2	43546.8	52257.3	52734.0	54080.3
Buah-Buahan Lain	13426.8	11831.2	2721.7	2781.7	2094.9
Tanaman Sayuran, Kontan Dan Lain-Lain	5303.1	5375.8	5386.4	5477.7	4732.2
Jumlah	390,361.9	383,096.9	394,460.4	389,141.5	380,279.3

Sumber: Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, 2001

Nota: * Buah-buahan untuk komersil dan eksport seperti dalam DPN3

Jadual pengeluaran makanan dan penggunaan 2009

Bil	Komoditi	Penggunaan perkapita (KG)	Pengeluaran (MT)	Keperluan (MT)	Peratus Saradiri
1	Beras	82	149,602	123,459	121
2	Sayur	37	53,356	55,707	95.7
3	Buah	55	171,550	82,500	196
4	Daging Lembu/kerbau	7	4,325	10,500	41
5	Daging kambing / biri-biri	0.13	166.06	166	100
6	Daging ayam	28	35,282	43,306	81
7	Telur	7.81	3,030	10,068	30
8	Ikan	49	74,637	73,500	101

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kelantan

Berdasarkan kepada perangkaan tersebut, ternyata keperluan makanan asas rakyat Kelantan lebih daripada mencukupi. Misalnya pengeluaran padi adalah sebanyak 21 peratus melebihi permintaan. Paling ketara, pengeluaran buah-buahan adalah sebanyak 96 peratus melebihi keperluan tempatan. Manakala pengeluaran daging kambing dan biri-biri serta ikan mencukupi bagi keperluan rakyat Kelantan.

Oleh itu, sasaran menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara sedang menuju ke arah realitinya. Namun industri berasaskan pertanian perlu disasarkan berkembang sebanyak 35 peratus daripada pengeluaran pertanian.



Selain daripada itu, pengeluaran beras disasar sehingga mampu membekal 35 peratus untuk kegunaan negara. Manakala sumbangan KDNK adalah sebanyak RM880 juta (2005) perlu dilonjakkan kepada RM3,000 juta (2015) bagi mencapai sasaran Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) juga tidak ketinggalan dalam membantu kerajaan negeri mencapai sasarannya. Melalui anak-anak syarikat iaitu PMBK Sawit dan Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd, bidang pertanian terus di teroka dan di perluaskan.

Bertani Sebagai Ibadah

Hari ini selepas lebih 20 tahun dasar Membangun Bersama Islam membentuk acuan pemikiran rakyat, bidang pertanian terus diperkasakan. Peladang, nelayan dan penternak diperingatkan supaya tidak lupa terhadap tanggungjawab sebenar. Di samping mencari sesuap rezeki untuk keluarga, mereka dipastikan tidak meninggalkan suruhan agama yang menjadi tanggungjawab utama sebagai khalifah di muka bumi.

Bermula dari situlah dicetuskan kempen kesedaran kepada peladang, nelayan dan penternak terhadap tuntutan ibadah. Maka ketika sambutan Hari Peladang peringkat negeri pada tahun 2009 dilancarkan slogan Bertani Satu Ibadah. Usaha itu selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam yang diterapkan sejak tahun 1990.

Kempen tersebut digembeling dengan mengambil kira peringatan Allah SWT kepada hamba-Nya dalam surah Al- An'am ayat 99 yang bermaksud:

"DAN Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam



tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau, Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu benih yang banyak, dan dari mayang kurma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya di waktu pohonnya berbuah dan (perhatikan pula) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman."

Malah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sekiranya kiamat hendak terjadi, sedangkan di tangan salah seorang di antara kamu ada benih tamar dan dia mampu menanamnya sebelum terjadi kiamat, maka hendaklah dia menanamnya dengan itu dia mendapat pahala." Riwayat Imam Ahmad.

"Tujuh perkara pahalanya berterusan sedangkan ia berada dalam kubur selepas kematiannya iaitu orang yang mengajar ilmu, atau mengalirkan sungai, menggali telaga, menanam tanaman, membina masjid, menulis Al-Quran atau meninggalkan anak yang sentiasa meminta ampun baginya selepas

Abu Yahya Zakaria Al-Ansari menegaskan mata pencarian terbaik adalah bercucuk tanam. Ini kerana ia lebih dekat dengan sikap tawakal. Bercucuk tanam juga dapat memberikan manfaat kepada semua makhluk. Manusia mampu hidup tanpa makanan selama tiga minggu, tanpa air selama tiga hari dan tanpa oksigen selama tiga minit. Begitu juga tanpa pertanian, sesuatu bangsa itu tidak akan berupaya membangunkan tamadunya.

Berasaskan kepada hujah di atas, jelaslah bidang pertanian termasuk cabang pekerjaan yang sangat mulia. Walaupun sekecil-kecil usaha menanam satu benih tamar diberi ganjaran pahala.

Inilah jalan dirintis Islam yang menjadikan kerja dan ibadat sebagai dua dalam satu. Tiada kerja yang dinamakan dunia dan tiada ibadat dinamakan akhirat kecuali kedua-duanya bergandingan di atas satu jalan di sisi Islam.

Pertanian Nadi Ketamadunan Ummah

Pertanian juga merupakan nadi utama ketamadunan sesuatu bangsa. Pertanian sebagai sumber asasi



bagi kehidupan manusia. Ilmu pertanianlah yang pertama diajar oleh Jibril a.s kepada Nabi Adam. Jibril mengajar membuat pakaian daripada bulu dan kulit biri-biri.

Namun malangnya ada segelintir pihak masih menganggap bidang pertanian sebagai kelas ketiga. Ia bertentangan sama sekali dengan apa yang diajar oleh Islam.

Dalam kehidupan manusia tiga kerjaya melengkapi pencapaian tamadun manusia iaitu pertanian, perdagangan dan pembuatan. Bagaimanapun di alaf baru kini sektor pertanian semakin terpinggir memandangkan bidang lain lebih cepat berkembang dan memberi pulangan lumayan.

Sedangkan Mazhab As-Syafi'i berpendapat pertanian adalah pekerjaan paling baik memandangkan bercucuk tanam memberi manfaat kepada ummah. Selain itu bercucuk tanam juga lebih dekat dengan sikap tawakal.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi Negeri, Haji Che Abdullah Mat Nawi berkata, bertani dan memanfaatkan tanah terbiar merupakan satu kerjaya bagi mendapat punca pendapatan yang sah dan halal di sisi Islam. "Islam adalah agama yang mengajar umatnya untuk aktif mencari rezeki dan kurniaan Allah. Islam tidak mengajar umatnya mengasingkan diri dengan bersikap pasif," katanya kepada wakil QIADAH ketika ditemui di pejabatnya di Kota Darulnaim baru-baru ini.

Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz pula berkata, hukum bertani dalam Islam menjadi fardhu ain bagi petani yang mencari nafkah bagi diri dan keluarganya. Manakala fardhu kifayah bagi petani yang melakukan demi kepentingan orang ramai.

Sebuah Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Daud bermaksud:

"Sesiapa yang memiliki tanah hendaklah dia mengusahakannya, namun jika dia tidak berupaya melakukannya, maka hendaklah diberikan kepada saudaranya (supaya diusahakan) dan janganlah dia menyewakannya."

"Apa yang dilakukan kerajaan negeri sekarang jelas untuk memastikan petani, peladang, penternak dan nelayan memahami sumbangan keringat mereka begitu penting bagi keperluan ummah".

"Maka sesuaiilah dengan gagasan yang dicetuskan oleh kerajaan negeri, Bertani Satu Ibadah," kata Che Abdullah.



AGRICULTURE IS A DEVOTION

By Y. J. Dasan
Photo Anas Karimi Ahmad Thani

There are of course, many of us who still remember that people in this country were restless when there was a shortage of rice supply a few years ago.

At that time, rice imported from Thailand and Vietnam was unavailable on the market. The drought that hit these countries prevented their governments from exporting rice to other nations.

The people of Kelantan consequently had to resort to locally-produced rice even though they found that it was less tasty than the Thai rice they were accustomed to.

During the 2007 crisis, not only was it difficult to get hold of Thai rice but the supply of local rice was

also insufficient. The shortage of rice made the headlines of several newspapers almost every day.

Kelantan, however, could be considered a little bit lucky. While people in other states were hit by the shortage of rice, the Kelantanese people was still able to get the locally-produced rice supply through huge stretches of paddy fields that were still being planted, as very few of them had been converted to other uses.

In 2001, for example, agricultural land covered 380,279.3 hectares or 25.35% of the state. As such, until today agriculture remains a mainstay for the people of Kelantan especially in rural areas.

In 1997, agricultural activities contributed RM660 million or 20.7% of the Gross Domestic Product (GDP).

Rubber, palm oil and rice are the three main sectors which comprise 78.74% of the whole agricultural areas in the state.

Rubber plantations cover 151,878.75 ha, palm oil plantations use 76,407.1 ha of land and paddies are planted on 71,134.0 ha of Field.

Fruit trees are planted on nearly 15% of the entire plantation areas, while vegetables, cash crops and the rest take up 4,723.2 ha of the land.

Apart from that, mutton and fish productions also fulfill the demand of the people in Kelantan. This was the result of the Kelantanese government firm efforts to enhance the agricultural sector even though other states have been industrialising vast areas of their paddy fields.

The state continues to give agriculture a high priority. This was the result of the Kelantanese government

firm efforts to enhance the agricultural sector even though other states have been industrialising vast areas of their paddy fields.

The state continues to give agriculture a high priority so as to preserve traditional jobs inherited from generation to generation.

In Islam agriculture can be considered a type of respectful and essential profession. A person will benefit from his effort however little even if it be to sow a date-palm seed. Yahya Zakaria al-Ansori noted that the best income is that which is obtained through agriculture. This is because this act exemplifies trust that man puts in God.

However, it is unfortunate that some consider agriculture a third-class profession. This is quite contrary to the teachings of Islam.

A campaign was run to raise the awareness of the people in this profession that their job is also a form of worship of God.



The Shafie school of thought considers agriculture as the best type of profession for the way it benefits the people. Apart from that, agriculture also relates to implicit faith in God.

Kelantan Menteri Besar, Dato' Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat launched the celebration of Farmers' Day at state level in 2009 with the slogan of Agriculture Is A Devotion.

Such an effort is in line with the state's policy of Developing With Islam which has been in practice since 1990.

Besides earning a living for the family, farmers, livestock breeders and fishermen are reminded to observe their main religious injunction as God's caliph on Earth.

Kelantan Agriculture, Cottage Industry and Biotechnology Committee Chairman, Che Abdullah Mat Nawi said that cultivating and tilling untended land is a way to earn a halal living.





TRADITIONAL GAMES AND PASTIME PROGRAMMES

February 1st - Oktober 31st 2011 (Closed during the Fasting Month)
Cultural Centre, Jalan Mahmood, Kota Bharu, Kelantan.

DAY	TIME	EVENT
SUNDAY	1530 - 1730	<ul style="list-style-type: none"> GIANT DRUM (REBANA UBI) TOP SPINNING (GASING URI)
	2100 - 2300	<ul style="list-style-type: none"> TRADITIONAL SHOW (PERSEBAHAN TRADISIONAL)
MONDAY	1530 - 1730	<ul style="list-style-type: none"> ART OF SELF DEFENSE (SILAT TARI) WAU MAKING DEMONSTRATION (DEMONSTRASI PEMBUATAN WAU) CONGKAK
	1530 - 1730	<ul style="list-style-type: none"> MALAY ART OF SELF DEFENSE (PENCAK SILAT) COCONUT HUSK PERCUSSION (KERTOK)
WEDNESDAY	1530 - 1730	<ul style="list-style-type: none"> MALAY ART OF SELF DEFENSE (PENCAK SILAT) COCONUT HUSK PERCUSSION (KERTOK)
	2100 - 2300	<ul style="list-style-type: none"> SHADOW PLAY (WAYANG KULIT)



"Islam teaches us to be active in seeking livelihood. Islam does not teach its followers to be passive and isolate themselves," Abdullah told QIADAH's representative when met at his office in Kota Darulnaim recently.

According to Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik, Islam views agriculture as a Fardh Ain to farmers who are earning a living for themselves and their families, and a Fardh Kifayah to those who practice agriculture for the benefit of other people.

According to Abdullah who is also a state exco, what the state government is doing now is merely to ensure farmers, livestock breeders and fishermen understand that the fruits of their effort is vital for the people.



QIADAH OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Ar-Rahnu Agrobank



Menawarkan...

- Pembiayaan sehingga **70%** dari nilai emas!!!
- Upah simpan termurah serendah **RM0.50** sebulan!



www.agrobank.com.my



Your Unique Destination 2011

KELANTAN

KELANTAN TOURIST INFORMATION CENTRE
Jalan Sultan Ibrahim, 15050 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 609- 748 5534 / 748 3543 Fax: 609- 748 6652
E-Mail: tic@kelantan.gov.my
facebook <http://www.facebook.com/tic.kelantan> www.tic.kelantan.gov.my

ABDUL RAHMAN

penternak unik

Banglo terapung di tengah Laguna Sri 7

Oleh M Faqih

Foto Muhd Yaacob Deraman & Anas Karimi Ahmad Thani



Rumah rakit menjadi 'banglo' Abdul Rahman bersama keluarga

"Empat orang pun boleh naik," ujar seorang lelaki berseluar di bawah paras lutut dan berbaju *t-shirt* bercorak batik. Kami berempat seorang demi seorang melompat naik ke dalam botnya.

Lelaki itu menolak perlahan-lahan ke dalam air. Rombongan kami tidak bimbang sangat kerana jarak perjalanan tidak jauh. Mungkin tidak sampai pun 100 meter.

Kami bertanya lelaki itu kedalaman air di laguna tersebut, "boleh tenggelam kalau jatuh ke bawah," ujarinya. Kedalaman air adalah kira-kira lapan kaki.

Tidak sampai sepuluh minit kami sampai di rumahnya. 'Banglonya' di tengah-tengah laguna. Di kiri kanan rumahnya di kelilingi petak-petak sangkar ikan.

Kesemuanya ada 130 petak sangkar. Ketika kami parkir di kerusi panjang di beranda rumahnya, tiba-tiba 'banglo' itu agak bergoyang sedikit. Air laut beralun-alun kecil. Rupa-rupanya tidak jauh dari situ berderum enjin bot sangkut nelayan pulang dari menangkap ikan di laut.

"Rumah terapung itu dilengkapi ruang bilik tidur, dapur, dan tandas. Ada kabel di dasar laguna yang membekalkan elektrik ke rumahnya. Begitu juga dengan air disalurkan melalui paip di bawah air masin."

Keadaan rumahnya serba lengkap. Seperti juga rumah orang lain di daratan. Namun kelainannya kerana dibina di atas air. Di bawah rumah, di depan dan di sekeliling semuanya air laut. Namun bak kata pepatah alah bisa tegal biasa.



Abdul Rahman Hamid pemilik 'banglo' terapung

Inilah kehidupan harian Abdul Rahman Hamid, 42, bersama keluarganya. Beliau tinggal di situ bersama isteri dan tiga orang anak. Biarpun usianya masih muda, namun wajahnya agak berumur. Mungkin setiap hari diterjah cahaya matahari dek tiada pokok seperti di daratan.

"Pada awalnya saya tidak pernah terfikir hendak tinggal di atas rumah rakit seperti ini. Sejak remaja lagi saya memang minat memancing. Biar pun tinggal di Jalan Bayam, Kota Bharu namun saya sering datang ke sini untuk memancing".

"Bermula dari situ, jiwa saya semakin dekat dengan kehidupan nelayan di sini. Pada tahun 1994, saya melabur sebanyak RM5,000 bagi membina sangkar ikan untuk mencuba nasib dalam bidang baru.

"Ketika itu saya berulang-alik dari Kota Bharu. Selama lapan tahun saya berbuat demikian. Saya upah penduduk di sini tolong tengokkan sangkar saya. Namun peliknya orang yang saya upah sudah mampu membina rumah sendiri, sedangkan saya masih di takuk lama".

"Maka bermula dari situ saya mengambil keputusan berpindah ke Sri Tujoh untuk menjaga sendiri ikan yang ditenak. Jadi saya buat keputusan tinggal di atas rumah rakit bagi memudahkan menjaga ikan," katanya ketika ditemui wakil QIADAH baru-baru ini.

Kami berempat teruja mendengar cerita Abdul Rahman. Kata beliau, tinggal di rumah rakit ber-

hampiran sangkar dapat mengelakkan ada orang datang mencuri ikan dalam sangkar.

Beliau satu-satunya penternak yang tinggal di atas rumah rakit. Sedangkan 125 orang lagi pengusaha sepertinya tinggal di daratan. Mereka juga ada rumah rakit berhampiran sangkar, namun sekadar dijadikan tempat berehat sahaja.

Berkat kecekalan yang ada pada Abdul Rahman, beliau dinobatkan sebagai pengusaha Perikanan Jaya pada tahun 2009 ketika sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kelantan.

Hanya dengan modal permulaan sebanyak RM5,000, sekarang nilai pelaburan dan asetnya sudah meningkat kepada RM500,000. Sebelum bertukar karier sebagai penternak ikan, beliau bekerja dengan tauke Cina di Kota Bharu.

Di antara ikan yang ditenak ialah siakap putih, siakap merah dan kerapu. Setiap sangkar berukuran 8 kaki x 8 kaki dapat menampung 250 ekor anak ikan.

"Pada awalnya saya tidak pernah terfikir hendak tinggal di atas rumah rakit seperti ini. Sejak remaja lagi saya memang minat memancing. Biar pun tinggal di Jalan Bayam, Kota Bharu namun saya sering datang ke sini untuk memancing."



Deretan bot nelayan berlabuh di pengkalan laguna Sri Tujoh

Manakala bagi sangkar bersaiz 8 kaki x 16 kaki boleh memuatkan sehingga 600 ekor anak ikan. Bilangan anak ikan yang diternak sekarang adalah kira-kira 15,000 ekor.

Sekitar 50 peratus daripada ikan sudah boleh dijual selepas enam bulan pertama. Masuk bulan kelapan 40 peratus lagi dijual. Dan bakinya 10 peratus boleh dijual selepas 10 bulan diternak.

Bercerita mengenai pasaran, Abdul Rahman berkata ia tidak menjadi masalah. "Apabila hendak jual saya hanya telefon, peraih atau pemborong akan datang. Masalah pasaran tidak timbul sangat," ujarnya.

Ikan siakap merah adalah yang paling mahal. Harganya boleh mencecah sehingga RM17 sekilogram.



Abdul Rahman mengaut ikan yang diternak



Ikan Siakap Merah mempunyai pasaran yang tinggi

Benih pula dibeli dari negara jiran atau penternak di Tok Bali, Pasir Puteh. Dalam tempoh setahun penternakan ikan dilakukan dalam dua pusingan.

"Bagaimanapun sekarang masalah penyakit ikan sangat banyak. Saya ingat masalah ini mulai menjadi-jadi selepas berlaku tsunami di Aceh pada tahun 2006. Sedangkan sebelum ini penyakit ikan tidak banyak macam sekarang".

"Kalau sebelum tsunami, pendapatan penternak di sini agak lumayan sehingga boleh mencecah RM10,000 sebulan, namun sekarang hanya sekitar RM2,000 sahaja. Agensi kerajaan sepatutnya membuat kajian mengenai masalah penyakit ikan yang agak serius sekarang," tambahnya.

Beliau juga menceritakan petua bagi mengenalpasti kemungkinan berlaku gempa bumi. Katanya kalau didapati ikan diternak tidak mahu makan dalam tempoh kurang empat hari, gempa bumi kurang 6 skala *richter* berlaku. Kalau lebih empat hari tak makan, alamatnya gempa bumi boleh mencecah lebih tinggi daripada 6 skala *richter*.

Abdul Rahman melayan setiap pertanyaan yang kami ajukan. Kadang-kadang hilai tawanya agak nyaring. Anak muda ini seorang yang periang dan mempunyai perancangan jauh dalam bidang penternakan ikan.

Ketika asyik menjawab soalan kami, beliau tiba-tiba meluru masuk ke dalam rumah. Kemudian keluar dengan fail dan lakaran projek masa hadapan.

"Beliau juga menceritakan petua bagi mengenalpasti kemungkinan berlaku gempa bumi."

Beliau pernah mengajukan permohonan kepada sebuah agensi kerajaan untuk mendapatkan bantuan modal bagi mewujudkan *homestay* dan projek hiliran, namun sampai sekarang masih tidak mendapat sebarang jawapan.

"Projek yang saya rancang itu dianggarkan bernilai RM200,000. Namun saya hairan di mana masalahnya kerana pihak terbabit gagal memberikan jawapan sehingga sekarang," dakwanya.

Abdul Rahman juga mencipta sendiri alat bagi mengukur tahap kekotoran air marin. Alat tersebut dibuat daripada batang besi kemudian ditampal tali inci serta plastik berwarna putih yang dipasang di bahagian hujung.

Ketika dihulur ke dalam air, plastik putih dapat dilihat dengan jelas kalau air tidak keruh, dan kalau air keruh, warna putih sukar dilihat. Petanda itu cukup penting bagi menentukan tahap bekalan oksigen dalam air.



Alat untuk mengukur tahap kekeruhan air hasil ciptaan Abdul Rahman

Ikan akan mati sekiranya oksigen tambahan tidak dibekalkan segera. Masalah tersebut sering berulang pada musim tengkujuh apabila air dari saluran dilepaskan dengan banyak.

Abdul Rahman akan menghidupkan empat enjin bot sangkut bagi memutar kipas di hujung untuk menghasilkan oksigen. Kaedah itu dapat menyelamatkan ikan yang diternak terutamanya pada musim banjir.

Agak istimewa juga sangkar dan rumah Abdul Rahman kerana pernah dilawati Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perikanan Malaysia. Selain itu, rumahnya juga sering menjadi tumpuan pelajar dari Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Kelantan dan universiti-universiti lain.

Mereka mahu mendalami kaedah menternak ikan dan teknik menghasilkan makanan serta vitamin ikan. Mengambil kira masalah yang berlaku selepas tsunami, kini Abdul Rahman merancang untuk terlibat dengan lebih jauh dalam industri hiliran.

Sekarang beliau berjaya menghasilkan makanan, baja dan vitamin ikan. Mesin yang disumbangkan oleh kerajaan negeri dan Jabatan Perikanan digunakan bagi menghasilkan produk hiliran tersebut. Vitamin yang dihasilkan dikenali sebagai Premix YP320.



Abdul Rahman menunjukkan pelan perancangan membina *homestay* dan industri hiliran



Tempat Abdul Rahman memproses makanan, vitamin dan minyak ikan

Beliau juga berharap ada bantuan bagi membeli mesin menghasilkan pelet ikan yang lebih berkualiti. Pelet tersebut boleh terapung dan tenggelam. Bagi ikan air tawar ia memerlukan pelet jenis terapung.

Menurutnya mesin tersebut dianggarkan bernilai RM65,000. Apa yang membanggakan pelet ikan

yang dihasilkan mendapat tempahan dari pen-ternak di Kuala Rompin, Pahang. Semua bahan mentah yang digunakan bagi menghasilkan pelet tersebut dibuat daripada sumber tempatan.

Pelet tersebut mengandungi 40 peratus sumber protein dan dijual dengan harga RM2 sekilogram bagi ikan air tawar dan RM3 sekilogram untuk ikan marin.

Laguna Pantai Sri Tujuh merupakan antara lokasi terbaik di negara ini bagi memternak ikan marin. Kadar kepekatan air dan oksigen sesuai untuk penternakan ikan dalam sangkar. Lagun tersebut juga merupakan kawasan rekreasi tersohor di Kelantan.

Kawasan itu berada di bawah pengawasan Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat. Setiap penternak ikan perlu membayar sewa (tol) sebanyak RM200 setahun dan lesen Jabatan Perikanan sebanyak RM15 setahun.

Abdul Rahman merenung jauh ke hadapan. Beliau amat berharap ada pihak yang dapat membantunya mewujudkan lebih banyak projek hiliran di samping memternak ikan dalam sangkar. Pilihan utamanya ialah *homestay* dan memproses makanan ikan.

Mengakhiri perbualan, beliau sangat bersetuju dengan konsep yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri iaitu Bertani Satu Ibadah. "Hidup tidak boleh dipisahkan dengan amalan agama," katanya sambil mengaut ikan dalam sangkar.



Unit Pembangunan Wanita "Wanita Berdikari, Masyarakat Bestari"



Unit Pembangunan Keluarga "Menjana Keluarga Mawaddah"



Unit Pendidikan Kesihatan "Sihat Itu Sejahtera"



Unit Pembangunan Armalah "Armalah Nadi Keluarga"



KELANTAN TRADE FAIR 2011 (PAMERAN INDUSTRI PEMBINAAN, SENIBINA DAN REKABENTUK DALAMAN)

east computech EAST COMPUTECH SYSTEM SDN BHD
COMPUTER SALES & SERVICES

PERKHIDMATAN KAMI

MENJUAL & MEMBEKAL KOMPUTER DAN KELENGKAPAN IT

SERVIS KOMPUTER, PRINTER & MONITOR

NETWORKING, WIFI, INTERNET, LCD PROJEKTOR, MANUAL & MOTORIZED PROJECTOR SCREEN

SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) & PENGGERA KESELAMATAN (ALARM SYSTEM)

PERISIAN KOMPUTER, PRINTER TONER & AKSESORI

BROADBAND INTERNET

Bendang terbiar kini jadi ladang MAS MELON

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya
Foto Anas Karimi Ahmad Thani

Malah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mensasarkan pengeluaran sebanyak 1,600 tan metrik tembikai dan mas melon di Kelantan pada tahun 2007.

Mungkin tidak pernah terfikir oleh pemilik tanah tersebut sebelum ini. Bertitik tolak bagi membantu hasrat kerajaan menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara 2015, mereka memulakan usaha memulihkan tanah terbiar.

Pada peringkat awal, sawah padi seluas 20 ekar yang menghadapi masalah perairan di Kampung Slow Kulim, Teliar, Bunut Susu dipulihkan semula. Semak-samun disodok dan tanah dilumatkan semula dengan menggunakan jentera pembajak. Kemudian ditabur baja bagi menyuburkan tanah. Hasil pengeluaran pertama timun mas melon adalah melebihi 120 tan metrik.

Abdullah berkata, kejayaan peringkat pertama tersebut mendorong mereka menambah lagi keluasan tanah bagi tanaman mas melon sehingga mencapai keluasan sekarang iaitu 48 ekar.

“Bertitik tolak bagi membantu hasrat kerajaan menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara 2015, mereka memulakan usaha memulihkan tanah terbiar.”

DAHULUNYA bendang yang terbiar. Semak-samun tumbuh meliar. Kadang-kadang menjadi sarang binatang liar seperti tikus dan ular tedung. Orang yang lalu-lalang di kawasan itu pun rasa bimbang.

Keadaan itu dibiarkan berlalu dalam tempoh begitu lama, sedangkan sebelum ini bendang tersebut pernah menghijau dengan tanaman padi. Entah di mana silapnya sawah itu menjadi tanah kontang.

Namun sekarang bendang itu sudah berubah wajah. Usaha gigih 15 orang pemilik tanah diketuai Abdullah Yaacob menjadikan bendang yang penuh dengan semak-samun sebelum ini, sekarang bertukar kepada ladang tembikai mas melon.

Lebih membanggakan lagi, bekas tanah bendang tersebut memberi pulangan lumayan sehingga mencecah RM200,000 sepanjang tahun lalu.



YB Che Lah melawat projek pemulihan tanah terbiar di Kg Slow Kulim, Teliar



Kawasan semak-samun telah bertukar kepada ladang mas melon



Inilah hasil usaha gigih 15 orang pemilik tanah

“Selain mas melon, kami juga menanam labu madu, sayur-sayuran, betik, jagung dan lada yang melibatkan seramai 24 orang peserta,” katanya ketika ditemui di ladang mereka baru-baru ini.

Usaha mereka tidak berhenti setakat itu, sebaliknya kini mereka mengusahakan pula jeruk buah-buahan daripada mas melon yang diusahakan di kalangan isteri peserta. Abdullah juga berkata, usaha mereka turut mendapat sokongan penuh daripada anggota Exco kerajaan negeri iaitu Che Abdullah Mat Nawi.

“Hari ini peserta yang terlibat boleh menarik nafas lega kerana hasil yang diperolehi mereka mencecah ribuan ringgit setiap seorang,” ujarnya. Kerja keras setiap peserta sebelum ini dituai dengan kejayaan membanggakan.

Kata beliau, sokongan padu kerajaan negeri juga memberi suntikan semangat kepada peserta memulihkan semula tanah yang sudah lama terbiar.

Ditanya mengenai pemasaran hasil pertanian, Abdullah menjelaskan pihaknya membuat perjanjian dengan FAMA. Katanya FAMA membawa hasil pertanian mereka sehingga menembusi pasaran di Kedah, Johor dan Melaka.

“Hari ini peserta yang terlibat boleh menarik nafas lega kerana hasil yang diperolehi mereka mencecah ribuan ringgit setiap seorang.”



Mas melon yang telah masak, sedia untuk dipetik

Beliau juga memberitahu, peserta turut mendapat latihan dan kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian, MARDI dan beberapa agensi lain. "Alhamdulillah, sehingga kini hasil sokongan daripada agensi kerajaan, projek pertanian di sini turut mendapat perhatian petani dari tempat lain".

"Kami pernah menerima kunjungan pelawat dari luar Kelantan terutamanya pada musim memungut hasil mas melon," ujar beliau. Berdasarkan kepada kejayaan itu, mereka juga merancang mendirikan sebuah kilang kecil bagi memproses hasil mas melon untuk dijadikan jeruk.

Harapannya dengan adanya kilang tersebut, ia dapat memberi peluang kepada isteri setiap peserta melibatkan diri dalam industri hiliran bagi meningkatkan pendapatan keluarga.

Projek pertanian berkelompok tersebut juga ber-cadang menggunakan baja organik sepenuhnya bagi penanaman timun mas melon musim baru tahun ini bagi menambahkan lagi hasil. Abdullah menjangkakan sebanyak 200 beg baja organik akan digunakan pada musim pertama tahun ini.

Sementara itu Che Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi berkata, kerajaan menyokong penggunaan baja organik bagi meningkatkan hasil pertanian.

Kata beliau penggunaan baja kimia sebelum ini boleh menyebabkan pelbagai penyakit kepada manusia. "Sekarang ramai petani sudah sedar mengenai kelebihan penggunaan baja organik berbanding baja kimia".

"Melalui usaha tersebut, diharap usaha untuk menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara empat tahun lagi akan membuah kenyataan," ujarnya ketika ditemui pada lawatan di projek berkelompok tersebut.

PAKCU SUK

juga hayati konsep Bertani Satu Ibadah

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

Foto Ahmad Na'ime Muhammad

BERBAKTI sesama manusia belum tentu dapat balasannya. Sebaliknya **berbudi kepada tanah sudah pasti ada manfaatnya.** Malah berbekal keringat tenaga empat kerat, ia mampu mengubah kehidupan seseorang.



Prasyaratnya ialah mesti berusaha gigih tanpa mengira erti penat dan lelah. Lebih-lebih lagi mengusahakan tanah secara komersil. Hasilnya memperolehi pendapatan sehingga lima angka setahun tidak lagi menjadi pelik.

Hakikat itu dibuktikan oleh pasangan suami isteri berketurunan Siam di Kampung Jubakar, Tunjap. Pakcu Suk atau nama sebenarnya Eh Suk a/l Eh Kean, 60 dan isterinya Som Jit a/p Jan Klom, 40 cecal menabur keringat dengan membanting tulang empat kerat.

Mereka menanam sayur-sayuran sebagai mata pencarian utama. Hasil kegigihan petani seperti Eh Suk membolehkan penduduk Kelantan menikmati sayuran segar yang mereka beli di pasar.

Bagi Pakcu Suk, kesungguhan menjadi faktor utama sehingga mereka mampu menjadi petani yang berjaya. Biarpun usianya sudah meniti enam dekad namun dengan kudrat yang masih

ada dan dengan bantuan isteri membolehkan kebun sayurnya terus menghidu.

Pakcu Suk turun ke kebun sayurnya seawal 7 pagi dan kembali ke rumah hampir pukul 3 petang. Itulah rutin harian mereka suami isteri. Kehidupan mereka tidak ubah seperti orang yang bekerja makan gaji dengan kerajaan. Namun kerana sudah menjadi kebiasaan, perkara itu tidak susah untuk dilakukan.

"Pakcu menyewa tanah-tanah milik penduduk seluas hampir sembilan ekar di tiga kawasan iaitu Kampung Palas Merah, Jubakar dan Jejulok.

Biar pun kedudukan kebun di kawasan berlainan, namun ia tidak menjadi masalah kepada Pakcu. Lagi pun kedudukannya tidak jauh sangat," katanya yang lebih mesra dengan gelaran Pakcu ketika ditemui wakil QIADAH baru-baru ini.

dari *klasik* hingga *kontemporari*

◆ Pelbagai Perabot ◆ Pelbagai Rekabentuk ◆ Harga Berpatutan



Seri Kota PERABOT SERI KOTA
A MEMBER OF PSK GROUP OF COMPANIES (K10215850-U)

5185-F & G, Batu 2, (Sebelah Toyota UMW)
Jalan Kuala Krai, 15150 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim, Malaysia

+609-744 2333



“Pakcu benar-benar menghayati konsep Bertani Satu Ibadah, biar pun beliau bukan beragama Islam.”

Berkongsi pengalaman masa lampau, Pakcu Suk memberitahu penglibatannya dalam bidang pertanian bermula setelah beliau berhenti kerja sebagai buruh pembinaan jalan raya. Hanya berbekalkan tenaga dan sedikit modal, beliau memulakan aktiviti bercucuk tanam di kawasan rumahnya sebagai punca pendapatan keluarga.

Namun hasil dorongan isterinya, beliau mula mencari tanah yang lebih luas untuk disewa. Pada peringkat awal bermula dengan tanah seluas satu ekar, dan akhirnya kini meningkat ke- pada sembilan ekar di tiga tempat ber- lainan.

“Pakcu juga mendapat derongan dan sokongan yang baik dari agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan FAMA. Mereka banyak membantu Pakcu dalam aspek penjagaan hasil pertanian dan pemasaran,” ujar beliau. Beliau juga memberitahu, bermula tahun ini baja organik akan digunakan bagi meningkatkan hasil pertanian.

Selain itu Eh Suk juga giat menghasilkan benih beberapa jenis sayur-sayuran sebagai pendapatan sampingan. “Ada orang buat tempahan anak semaian seperti lada,” katanya.

Pakcu benar-benar menghayati konsep Bertani Satu Ibadah, biar pun beliau bukan beragama Islam. Elemen bekerja bersungguh-sungguh yang dikek pada konsep berkenaan turut dihayati oleh Pakcu.

Di Kelantan, penduduk berketurunan Siam dan Cina yang tinggal di kampung lebih dikenali dengan panggilan seperti nama orang Melayu. Ada yang dikenali dengan panggilan Pak Teh, Makcu, Mek, Pak Harun dan pelbagai lagi. Bahasa pertuturan harian mereka pun menggunakan dialek kelantan.

Kadang-kadang bagi mereka yang tidak pernah datang ke perkampungan etnik tersebut keliru di antara orang Melayu dan Siam atau Cina kampung. Ini kerana rupa paras dan watak mereka tidak jauh berbeza.

Pakcu menanam sayur-sayuran termasuk mentimun, bendi, lada, petola dan jagung sayur. Keluasan tanah sembilan ekar dengan hanya berbekal dua tenaga empat kerat tentunya menghadapi masalah menyediakan tanah bagi kerja-kerja menanam.

Namun Pakcu ada kaedah tersendiri yang menjadi amalan masyarakat tani di kampung-kampung. Konsep gotong-royong sesama petani

masih dipertahankan sehingga sekarang. “Kami bergilir-gilir mengerjakan tanah ketika proses penanaman sayuran bermula. Ini juga secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan sesama orang kampung,” katanya.

Apa yang lebih membanggakan lagi, kerja harian Pakcu dan isteri bukan terhenti setakat di kebun sayur mereka, sebaliknya mereka keluar masuk kampung untuk membeli sayur-sayuran milik petani lain. Mereka turut memborong sayur-sayuran di kampung berdekatan.

Bermula pukul 5 petang, mereka keluar masuk kampung berdekatan untuk membeli sayur-sayuran. Selepas itu dibawa pula ke Pasar Borong di Wakaf Che Yeh.

Aktiviti itu hanya akan berakhir pada pukul 12 tengah malam. Maka tidak hairanlah dengan usaha gigih yang dijalankan, mereka pernah meraih pendapatan sehingga RM60,000 setahun.

Kegigihan pasangan suami isteri berketurunan Siam itu turut mendapat pengiktirafan daripada kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan.

Pakcu pernah muncul sebagai Johan peringkat negeri dalam kategori Pertanian Berkelompok Jaya pada tahun 2007 dan 2009 ketika sambutan Hari Peladang. Tahun 2009 juga membawa tuah kepada mereka apabila mendapat tempat ketiga di peringkat kebangsaan pada sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan.

BANK ISLAM

BERBELANJA & MENANG

Dengan membelanjakan **RM50** ke atas dalam satu resit menggunakan Kad-i Bank Islam, anda berpeluang memenangi hadiah-hadiah yang menarik!

Tempoh Promosi : 01 Ogos 2010 - 31 Mac 2011

09-747 9313
www.bankislam.com.my

*Tertakluk pada terma dan syarat

BELANJA

sehingga RM100

hadiah harian



iPod Shuffle 2GB

sehingga RM200

hadiah mingguan



iPhone 4

RM201 ke atas

hadiah bulanan



MacBook

Paksu Using ikut **SUNNAH** ternak kambing

Oleh Muhammad Yusri Amin

Foto Anas Karimi Ahmad Thani

Setiap perbuatan yang kita lakukan kalau kena caranya akan mendapat pahala. Lebih-lebih lagi apabila mengamalkan sunnah Rasulullah SAW akan mendapat ganjarannya. Di antara amalan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW semasa remaja adalah menternak kambing. Baginda pernah menjadi pengembala di Mekah sebelum diutus sebagai Rasul.

Menghidupkan sunnah merupakan sebahagian daripada ibadat. Berpandukan kepada sunnah tersebut, maka kerajaan Kelantan menggalakkan rakyatnya menternak kambing sebagai punca pendapatan sampingan di samping meneruskan amalan sunnah.

Usaha itu juga selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam yang diterapkan sejak Oktober 1990. Hari ini ia diperluaskan lagi *uslubnya* berpaksikan konsep Bertani Satu Ibadah.

Bagi memastikan amalan Islam disuburkan dalam semua ruang lingkup kehidupan rakyat Kelantan, maka dicetuskan pula program Jihad Ternak.

Program itu dilancarkan pada tahun 2007 sebagai usaha menambah populasi ternakan di negeri tersebut bagi memenuhi keperluan tempatan. Jumlah ternakan kambing di Kelantan pada tahun 2002 adalah sebanyak 43,715 ekor, manakala biri-biri pula sebanyak 39,655 ekor.

Pada tahun 2006, pengeluaran daging kambing dan biri-biri adalah sebanyak 166 tan metrik dengan nilai RM2.034 juta. Jumlah pengeluaran tersebut sudah mampu memenuhi keperluan tempatan dengan kadar penggunaan per kapita sebanyak 0.13 kilogram.

Bagi memastikan program Jihad Ternak mencapai sasarannya, kerajaan negeri mencadangkan penduduk yang mendapat bantuan kambing Jamnapari mewujudkan persatuan bagi memudahkan pemantauan dilakukan.

Ekoran daripada itu, lahir PEJINAK yang kini diketuai oleh Wan Ismail Wan Mamat. PEJINAK diasaskan pada tahun 2008 juga berperanan untuk menganjurkan kursus kepada ahli-ahlinya.



Wan Ismail sedang menjelaskan sesuatu kepada wakil QIADAH

Wan Ismail memberitahu, persatuan bersedia membantu setiap ahli yang berminat membesarkan penternakan dengan mengangkat permohonan kepada kerajaan negeri. Selain itu, PEJINAK juga berhasrat membantu ahli memperkukuhkan dana mereka melalui koperasi yang sedang diusahakan persatuan sekarang.

“Hasrat kita yang utama ialah membantu ahli sebaik mungkin. Justeru persatuan mencadangkan ahli-ahli menyertai koperasi yang ditubuhkan iaitu Koperasi PEJINAK Kelantan Berhad yang kini diuruskan oleh jawatankuasa penaja.

“Mesyuarat agung pertama koperasi dijangka diadakan pada tahun ini,” katanya. Program Jihad Ternak mendapat sokongan padu kerajaan negeri yang dikendalikan oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Selain itu, mereka juga mendapat sokongan dan bantuan dari Jabatan Veterinar. Wan Ismail memberitahu, PEJINAK turut menjadi penyelaras peserta yang menyertai Ekspo Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri setiap tahun.

Ketika ditemui wakil QIADAH baru-baru ini Wan Ismail berkata, PEJINAK berharap semua pihak terutamanya penternak mengambil sikap proaktif bagi mengembangkan sektor penternakan. Tujuannya adalah untuk mencapai matlamat negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara 2015.

“Pemeliharaan kambing telah dilupakan oleh sebahagian masyarakat, sedangkan menternak kambing boleh mendatangkan keberkatan. Konsep pemeliharaan kambing itu sendiri hendaklah difahami dan sentiasa beristiqomah,” katanya.

PEJINAK sebagai badan bukan kerajaan (NGO) turut berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sejak Julai 2008. Peranan utama PEJINAK ialah menjalankan pemantauan terhadap perjalanan program Jihad Ternak di bawah kerajaan negeri.

Jumlah peserta program Jihad Ternak sekarang adalah seramai 225 orang dan berusia 18 tahun ke atas. Setiap peserta mendapat modal asas dan baka ternakan jenis Jamnapari yang disumbangkan oleh kerajaan negeri.

Setiap peserta turut diberi sebahagian peruntukan bagi mendirikan reban. Kos membina reban dan lima ekor kambing yang diberi menelan belanja sebanyak RM10,000.



Kambing Jamnapari



Pada tahun lepas, seramai 198 orang penternak diklasifikasikan sebagai berjaya melaksanakan program Jihad Ternak. Menurutnya seorang ahli PEJINAK, Yusoff Abdul Rahman yang juga bekas penghulu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Demit berjaya meraih Anugerah Penternak Terbaik Negeri Kelantan.

Wan Ismail yang berasal dari Kampung Kutan Hulu, Tumpat juga berkata program Jihad Ternak dilancarkan kerajaan negeri pada Julai 2007 melibatkan pemilihan lima peserta dari setiap kawasan DUN. Jumlah peserta sekarang adalah seramai 225 orang daripada 45 DUN.

Menternak kambing mempunyai risiko tersendiri, di mana hasilnya hanya dapat dinikmati selepas tiga tahun. "Dalam konteks penternakan kambing daging, kita berbincang mencari jalan bagaimana untuk memajukannya lagi memandangkan kambing daging dapat dijual selepas tiga tahun," ujar Wan Ismail.

Kambing-kambing yang disumbangkan oleh kerajaan negeri ialah jenis Jamnapari daging dan Jamnapari susu. Kambing tenusu mempunyai potensi luas untuk dipertingkatkan memandangkan permintaan susu kambing begitu menggalakkan.

PEJINAK juga mengutamakan tanaman benih rumput yang sesuai untuk makanan kambing termasuk rumput napier Taiwan dan napier India.



"Ini penting bagi mengatasi kesukaran mendapat bekalan rumput pada musim banjir. Dengan adanya bekalan makanan tersebut, masalah kekurangan rumput pada musim tengkujuh akan dapat diatasi," tambahnya.

PEJINAK juga mengatur lawatan sambil belajar dengan melawat ladang ternakan yang berjaya termasuk di Johor, Melaka dan Perak. Ia bertujuan menambahkan ilmu serta meluaskan pengalaman setiap penternak.

Seorang lagi peserta program Jihad Ternak, Yunus Mat, 54, juga berpendapat menternak kambing merupakan pekerjaan mulia di mana ia boleh dijadikan satu ibadah.

"Kita mencerut (menyabit) rumput kerana Allah SWT. Kita jaga kambing kerana Allah SWT dan jaga harta kerajaan pun kerana Allah SWT," katanya ketika ditemui di ladang ternaknya di Kampung Kemumin, Pengkalan Chepa.



Yunus Mat atau lebih mesra di panggil Paksu Using

Beliau yang lebih mesra dengan panggilan Paksu Using berpendapat penternak, petani dan nelayan yang bekerja memakmurkan kehidupan keluarga di samping tidak lupa prinsip Ubudiyah sudah memenuhi ciri-ciri **Bertani Satu Ibadah**.

"Itu memang betul. Buat kerja tanpa malas dan tanpa merasai terbeban. Bahkan lebih daripada itu, tidak menzalimi binatang pemeliharaan, tidak membiarkan binatang lapar, sakit atau tidak diberi ubat," katanya.

Paksu Using yang juga ahli PEJINAK sehingga kini menternak sebanyak 17 ekor kambing serta bebiri jenis *Barbados Black Belly* dan lembu kampung. Purata pendapatannya dalam setahun adalah kira-kira RM6,000.

Manakala pembelinya termasuk datang dari Thailand. Beliau juga memelihara lembu jenis baka *Brahman* kacukan dan lembu *Charolais*.



Wan Ismail bersama kambing Jamnapari yang sudah dewasa

Paksu Using mempunyai 12 orang anak, beliau menjadikan menternak sebagai punca rezeki sampingan keluarganya. Ditanya perancangan masa depan, katanya beliau bercadang menternak rusa.

"Saya sedang menyiapkan kertas kerja dengan bantuan rakan-rakan PEJINAK untuk dikemukakan kepada kerajaan negeri," katanya.

Beliau yang juga Penghulu Mukim Beting Lebar, Kemumin turut berharap PEJINAK memantau setiap peserta bagi memastikan matlamat yang digariskan oleh kerajaan negeri menepati sasarannya. Pak Su Using terlibat dalam bidang penternakan sejak tahun 2007. Beliau dibekalkan lima ekor baka induk kambing Jamnapari.

Beliau sebenarnya mewarisi pengalaman menternak daripada datuk neneknya lagi. Pada tahun lepas, kambingnya dipertontonkan kepada orang ramai sempena Pameran Cakno Keluarga anjuran Majlis Tindakan DUN Panchor.



www.yaskin.com.my

PELUANG PERNIAGAAN!
Menjalankan usahasama di tanah suci Mekah.

PERKHIDMATAN KAMI

- Jualan Tiket Domestik & Antarabangsa (ejen Lantikan Mas)
- Pakej Umrah & Ziarah
- Pakej Perlancongan Luar & Dalam Negara
- Visa Umrah
- Pakej Haji

Logos: Malaysia, AirAsia, Firefly, Royal Jordanian, Emirates, Egyptair, Saudia Arabian Airlines.

Cawangan: Kuala Terengganu (09-631 7900), Kuala Lumpur (03-9200 1623/2623)

yaskin SYARIKAT PELANCONGAN YASKIN SDN.BHD.

Lot 195-A, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-744 3136, 741 2650/51/52/55/56
Tel. Bimbit: 013-333 3615
E-mel: yaskintravel@gmail.com

CHE ABDULLAH MAT NAWI

Jam 12 malam lawat rumah penduduk



"KETIKA mata sudah mulai kuyu tiba-tiba ada telefon berdering. Apabila saya angkat ada suara memberitahu keluarganya basah kuyup kerana air hujan basah sehingga ke dalam rumah. Orang itu minta saya datang melihat sendiri."

"Saya tengok jam sudah lebih 12 malam. Bagaimanapun saya datang juga kerana orang itu tinggal di kawasan Dewan Undangan Negeri Wakaf Bharu. Apabila saya sampai, betullah apa yang diceritakan tadi. Keesokan harinya saya bagi zink bagi mengelakkan rumahnya tiris lagi," ujar Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau sudah tidak asing lagi di Wakaf Bharu, Tumpat. Setiap hari beliau tidak senang hati kalau tidak bertemu mata dengan rakyat. Kebiasaannya ada dua atau tiga program disusun Majlis Tindakan DUN (MTD) Wakaf Bharu untuk membolehkan beliau berjumpa rakyat dalam sehari.

Semasa wakil QIADAH berandang ke rumahnya di Taman Mimi Wakaf Bharu, Tumpat pada 16 Safar lalu, sudah ada rakyat yang datang ke rumahnya. Jam seawal 8 pagi pintu pagar rumahnya sudah terbuka luas. Lelaki tersebut bersama dengan anaknya datang dari Kampung Chabang Empat untuk mengadu masalah kepada wakil rakyat.

"Saya sudah beberapa kali datang ke sini. Saya juga pernah makan nasi ketika jamuan diadakan. Hari ini biar pun terasa berat di hati



untuk datang, namun saya gagahi juga. Apa boleh buat kerana tidak ada tempat lain lagi untuk mengadu."

"Saya kerja buruh kontrak, tapi semalam tauke saya tidak bagi gaji sedangkan keperluan harian di rumah saya sudah habis. Jadi saya datang hendak minta sedikit sumbangan untuk beli beras," kata lelaki yang berusia sekitar 40-an itu. Anak lelakinya mungkin darjah satu agak malu-malu hendak masuk, dia bersembunyi di sebalik pagar rumah.

Itulah diari harian kehidupan insan yang bernama Che Abdullah. Sebelum bergelar wakil rakyat orang kampung memanggilnya dengan gelaran Pak Lah. Sekarang mereka lebih selesa memanggilnya Yang Berhormat (YB).

Pada hari kunjungan kami juga, Che Abdullah menghadiri dua program besar bersama rakyat. Sebelah pagi di Masjid Kampung Delima, majlis penyampaian sumbangan kepada penduduk yang terlibat dengan banjir.

Seramai 350 orang penduduk dari beberapa buah kampung termasuk Wakaf Bharu, Perupok, Bechah Temalir, Belukar, Kubang Batang dan Kulim berhimpun di masjid tersebut. Mereka menerima sumbangan daripada Che Abdullah. Isterinya juga ada bersama. Kelihatan beliau begitu mesra dengan

penduduk di situ.

Beliau menaiki kereta wartawan QIADAH ketika datang ke tempat program berkenaan. Isteri dan anaknya pula menaiki kereta Toyota Camry milik kerajaan. Ketika kami sampai di depan pagar masjid orang ramai sudah menunggu.

Manakala pada sebelah petang hari yang sama, beliau menghadiri program bersama masyarakat Cina. Pada majlis itu seramai 700 orang penduduk Tionghua diraikan sempena sambutan Tahun Baru Cina.

"Bukan senang untuk berkhidmat kepada rakyat. Setiap hujung minggu kalau tidak ada duit sehingga RM2,000 dalam poket payahlah sikit. Ini kerana rakyat datang mengadu pelbagai masalah. Sebagai wakil rakyat kita perlu melayan kerenah mereka.

"Makan pagi pun rasa macam tidak kenyang kalau belum lagi dapat melihat rakyat. Biar pun banyak masa dihabiskan bersama mereka, namun saya seronok apabila masalah rakyat dapat diselesaikan," ujarnya sambil menjamah nasi lemak disediakan oleh isterinya, Saleha Yaakub.



Oleh : Mazlan Jusoh
Foto : Ahmad Nai'me & Anas Karimi



Majlis penyampaian sumbangan kepada penduduk yang terlibat dengan banjir.



Che Abdullah merupakan anak kepada pasangan tukang jahit, Mat Nawi Abu Bakar dan Che Rogayah Che Abdullah. Dilahirkan pada 16 Jun 1960 di Kampung Delima, Bharu. Anak ketiga daripada lima adik-beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Delima.

Kemudian beliau meneruskan pengajian di Maktab Sultan Ismail di Kota Bharu dan Sekolah Menengah Sains di Kedah.

Kecemerlangannya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyebabkan beliau ditawarkan belajar di kolej Matrikulasi USM. Selepas itu beliau melanjutkan pelajaran ke ITM (UITM) dalam bidang perakaunan. Kemudian, beliau meneruskan pengajian di peringkat sarjana muda dalam bidang pentadbiran perniagaan di Universiti Ohio, Amerika Syarikat dan menyambung lagi pengajian pengkhususan dalam bidang perakaunan sehingga ke peringkat sarjana di Universiti Of Bridgeport, Connecticut.

Pernah mendapat anugerah Who's Who Among Student in America Universities. Che Abdullah bergiat aktif dalam Kesatuan Masyarakat Islam Malaysia Amerika Utara (MISNA). Selepas menamatkan pengajian beliau menimba pengalaman bekerja di syarikat Vetlab of American dan Antech Diagnostich sebagai Regional Manager selama tiga tahun.

Selama tujuh tahun menimba pengalaman dengan dua syarikat tersebut, pada tahun 1995 Che Abdullah

bersama rakan-rakan menubuhkan syarikat sendiri yang dikenali sebagai Kerdu International Inc. Beliau menjalankan perniagaan import eksport produk berasaskan perubatan. Syarikatnya beroperasi di New Haven.

Ketika ditanya cabaran memiliki syarikat sendiri di negara kuasa besar, katanya menjalankan perniagaan di Amerika Syarikat lebih mudah kerana tidak banyak kerenah birokrasi. Kerdu mempunyai seramai 30 orang kakitangan termasuk penduduk tempatan.

Selepas selama 11 tahun merantau di negara asing, akhirnya pada Ogos 1997 beliau kembali ke tanah air. "Pada peringkat awal saya membuka syarikat sendiri dengan mengendalikan konsultansi perniagaan. Saya pernah membawa rombongan kerajaan negeri bertemu dengan pelabur di Turki".

"Bagaimanapun tidak lama kemudian saya ditawarkan bekerja sebagai pengurus kilang papan Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK), anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)," katanya.

Selepas lima bulan bertugas di KPK Sawmill, Che Abdullah berhenti bagi meneruskan perniagaan sendiri. Beliau membuka Abe Consulting Group Sdn Bhd dengan menawarkan perkhidmatan latihan asas komputer.

Tidak lama selepas itu, sekali lagi beliau ditawarkan berkhidmat di KPK sebagai Pengurus Pembangunan dan Perniagaan. Pada tahun 2001 beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar KPK. Pada tahun 2004, beliau sekali lagi meletak jawatan bagi menumpu sepenuh perhatian kepada perniagaan.

Bak kata pepatah, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Pada tahun 2005, Che Abdullah dilantik oleh kerajaan negeri sebagai Penyelia DUN Wakaf Bharu, dan bermula dari situ kerjayanya

bertukar menjadi ahli politik sepenuh masa.

Pada Pilihan Raya Umum Mac 2008, beliau dipilih sebagai calon PAS bagi merebut kerusi Dun Wakaf Bharu. Hasil kerja keras lebih tiga tahun sebagai penyelia DUN, akhirnya beliau dinobatkan sebagai wakil rakyat baru di situ oleh rakyat Wakaf Bharu.

Tuahnya dalam politik meningkat dengan cepat apabila dilantik pula sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dengan mengetuai jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi.

Hasil perkongsian hidup dengan Saleha dikurniakan lapan orang anak, di mana lima dilahirkan ketika menetap di Amerika Syarikat. Manakala dua lagi anak dengan isteri kedua, Wan Noraini Wan Abdullah.

Bertani Satu Ibadah

Ketika Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak sibuk menjelmakan segala perkara dengan nama 1Malaysia, namun lain pula bagi Che Abdullah. Beliau mencetus satu kelainan dengan memaparkan idea yang lebih bercorak Islamik juga berpaksi pada perkataan satu.

Maka pada sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri tahun 2009, dicetusnya konsep Bertani Satu Ibadah. "Sebahagian besar rakyat Kelantan menjadikan pertanian sebagai punca rezeki mereka. Sebab itulah sejak dahulu sehingga sekarang negeri ini kekal sebagai negeri pertanian".

"Mengambil kira situasi itu, kerajaan negeri memikirkan sektor pertanian perlu diperkaskan lagi bagi mencapai matlamatnya sebagai Jelapang Makanan Negara 2015".

"Matlamat itu sukar dicapai tanpa kerja keras semua pihak. Matlamat akhir kerajaan ialah untuk melahirkan kesejahteraan ke-

hidupan rakyat yang mempunyai keseimbangan hidup di dunia dan akhirat," ujarnya.





Kata beliau kerajaan negeri tidak mahu petani, nelayan dan penternak hanya berupaya meningkatkan produktiviti pertanian semata-mata, sedangkan tugas sebenar sebagai khalifah di muka bumi dilupakan.

Melalui konsep Bertani Satu Ibadah digarapkan serampang dua mata. Budaya hidup petani, nelayan dan penternak yang agak jauh daripada agama perlu diperbetulkan kembali. Ia sebenarnya merupakan kesinambungan kepada dasar Membangun Bersama Islam yang dicetuskan sejak Oktober 1990.

Konsep tersebut berakar umbi kepada gerak kerja berasaskan Ubudiyah, Mas`uliyah dan Itqan. Objektifnya bagi merubah paradigma mereka yang terbabit dengan sektor pertanian. "Konsep ini bukan hanya untuk orang Islam sahaja, malah ia juga terangkum kepada semua bangsa dan agama. Ini kerana semua agama menggalakkan penganutnya bekerja bersungguh-sungguh bagi mengoptimumkan hasilnya".

"Ketika lawatan ke Thailand kita melihat ada sami yang terbabit dengan bidang pertanian. Mereka bekerja bersungguh-sungguh sehingga hasil pertanian mampu dihantar ke negara lain," katanya. Sejak kempen Bertani Satu Ibadah dilancarkan, Che Abdullah melihat sudah ada perkembangan positif yang dicapai. Kata beliau pada lawatannya di perkampungan nelayan di Pantai Sabak, mereka meminta dipasangkan papan kenyataan Bertani Satu Ibadah di situ.

"Ini secara tidak langsung menggambarkan mereka sudah menerima konsep Bertani Satu Ibadah yang kita gagaskan sejak dua tahun lalu. Malah pada karnival pertanian yang dianjurkan didapati penyertaannya begitu menggalakkan.

"Kesungguhan juga dapat dilihat apabila program pemulihan tanah-tanah terbiar berlaku di seluruh jajahan. Pada karnival pertanian, kita ingatkan mereka terhadap amalan agama sebagai tujuan utama kehidupan setiap manusia," tambahnya.

Selain itu ada juga penduduk yang menggunakan ruang di halaman rumah untuk bercucuk tanam. Usaha itu dapat menjimatkan kewangan keluarga, di samping menambah pengeluaran hasil pertanian. Che Abdullah yakin program ke arah menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara sedang berada pada landasannya. "On the right track," katanya ringkas.

Bagaimanapun beliau meluahkan rasa terkilan kerana program berkenaan kurang mendapat liputan media arus perdana. Sedangkan manfaatnya untuk semua rakyat Kelantan tanpa mengira ideologi politik.

Beliau juga memanjat rasa syukur kerana beberapa hasil pertanian sudah mencapai sasaran pengeluaran. Padi sehingga kini sudah melebihi keperluan tempatan dengan pengeluaran sebanyak 121 peratus. Begitu juga buah-buahan sudah berlembak di pasaran ketika musimnya. Manakala beberapa lagi bidang pertanian lain sedang dipertingkatkan.

Ditanya sokongan agensi kerajaan pusat terhadap konsep Bertani Satu Ibadah, katanya ia mendapat kerjasama baik semua pihak. Dan mulai tahun ini (2011) juga jawatankuasa pertanian di bawahnya dipertanggungjawab bagi mengendalikan skim bantuan beras percuma kepada penduduk miskin.

Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta dalam belanjawan tahun ini untuk mengendalikan skim bantuan beras. Seramai 100 orang penduduk miskin di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri akan menerima beras sebanyak 10 kilogram setiap seorang.

Ini bermakna seramai 4,500 penduduk miskin akan mendapat kemudahan tersebut setiap bulan bermula Februari 2011. Penduduk yang akan mendapat kemudahan tersebut dipilih dari senarai E-Tegar di bawah kerajaan negeri.

Che Abdullah berkata, program itu dicetus kerajaan negeri selepas kejayaan pelaksanaan skim beras

percuma (Al-It'am) dikendalikan di DUN Wakaf Bharu sejak Jun 2010.

Biar pun pengalamannya sebagai wakil rakyat masih baru, namun anak kelahiran Kampung Delima itu membuktikan kesungguhan dan bekerja dalam satu pasukan akan membuahkan hasilnya.

Konsep tersebut berakar umbi kepada gerak kerja berasaskan Ubudiyah, Mas`uliyah dan Itqan. Objektifnya bagi merubah paradigma mereka yang terbabit dengan sektor pertanian. "Konsep ini bukan hanya untuk orang Islam sahaja, malah ia juga terangkum kepada semua bangsa dan agama. Ini kerana semua agama menggalakkan penganutnya bekerja bersungguh-sungguh bagi mengoptimumkan hasilnya".



Ketika di temuramah oleh wakil QIADAH



KELEBIHAN KAMI:

- Mampu Menampung Sehingga 250 Orang
- Kemudahan Surau
- Dewan Serbaguna (DEWAN SINARAN)
- Majlis Perkahwinan
- Kursus
- Mesyuarat
- Boleh Membuat Tempahan

RESTORAN SRI CHENGMAI SDN. BHD.

LOT 327 & 328, SEK 27, JALAN SRI CEMERLANG, 15300 KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAIM.
TEL: 09-741 8328 FAX: 09-741 8329

Melanconglah ke destinasi impian anda bersama kami

Strata Travel & Tours Sdn. Bhd. adalah syarikat pelancongan yang ditubuhkan pada 24 Nov 1990 mengikut undang-undang Syarikat 1965. Diakui sebagai syarikat yang dimiliki sepenuhnya bumiputra oleh MTB dan berdaftar di Jabatan Kewangan, MATTA, IATA & BUMITRA.

STRATA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.
715586-V

STRATA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.
Lot 2635, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan
Phone: 09-7485777 Fax: 09-7445999
E-mail: info@stratatravel.com

Anugerah Kecemerlangan Usahawan Tani Jaya 2009

Hussain Yusof peserta terbaik TKPM Malaysia

Oleh M Faqih Foto Ahmad Nai'me Muhammad

JAM 7.40 pagi kami bertolak dari Kota Bharu menuju ke Gua Musang. Perjalanan kami tidak disinari pancaran terik matahari memandangkan cuaca agak mendung. Semakin ke hulu, hujan bertambah lebat. Hampir jam 11.00 pagi, kami sampai di Pejabat Pertanian Gua Musang. Kami singgah sekejap di situ bagi membolehkan Rahimi Mat Yaacob, Penolong Pegawai Pertanian Gua Musang, menyertai kami meneruskan perjalanan ke Lojing.

Ketika sampai di Lojing cuaca sejuk semakin terasa. Tambahan pula dengan hujan yang turun sejak seminggu. Ketika menjamah air terasa dinginnya. Cuaca pada hari itu sekitar 18 darjah celsius.

Lojing diisytihar sebagai jajahan kecil tahun lepas. Ia meliputi daerah Betis, Hau dan Sigar. Mukim pula merangkumi Betis, Balar, Hau, Blau, Handrop dan Tuel. Kedudukan Lojing dari Gua Musang sejauh 90 km dan 7 kilometer dari Blue Valley serta 35 km dari Tanah Rata, Cameron Highlands.

Ketinggiannya pula di antara 2,500 hingga 3,200 kaki dari paras laut. Kelebihan geografi itu membolehkan pelbagai tanaman subur tumbuh menghijau. Maka tidak hairanlah kerajaan menjadikan kawasan itu sebagai zon Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) negara.

TKPM Lojing, Gua Musang mula beroperasi pada Julai 1998 apabila sembilan peserta di kalangan belia tempatan dibawa masuk. Kawasan seluas tiga hektar dibangunkan dengan tanaman sayur-sayuran. TKPM itu lengkap dengan pusat latihan, kawasan *agrotourism*, penyelidikan dan pembangunan.

TKPM merupakan projek bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan dan mendapat khidmat nasihat teknikal pertanian serta peruntukan daripada Jabatan Pertanian. Ia dilaksanakan di

atas tanah negeri yang diwartakan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

Keseluruhan keluasan fizikal adalah 64.77 hektar. Manakala kawasan yang telah dibangunkan adalah seluas 24.21 hektar. Luas kawasan bertanam pula adalah 13.81 hektar. Manakala pembangunan infrastruktur pula adalah seluas 10 hektar. Kawasan yang tidak sesuai bertanam adalah seluas 28.98 hektar yang disebabkan oleh kecuraman tanah.

TKPM itu juga mempunyai infrastruktur iaitu empat unit asrama peserta, dua unit rumah berkembar, dua unit kuarters pegawai, seunit rumah pekerja, surau, rumah rehat, pusat pengumpulan hasil dan enam unit bangsal cendawan. Selain itu, terdapat juga 107 unit struktur pelindung hujan, lapan unit kolam takungan, sistem pengairan renjis dan peralatan ladang.

Peserta

Sejak dibuka pada tahun 1998 sehingga kini, sebanyak lapan kali pengambilan peserta dilakukan. Peserta kumpulan pertama adalah seramai sembilan orang, namun sekarang hanya tinggal seorang iaitu Mohd Al-Edi Jaafar. Purata pendapatan Mohd Al-Edi tahun lepas adalah sebanyak RM7,900 sebulan.



Kejayaan peserta TKPM dapat dilihat sebagaimana jadual di bawah:

Nama Peserta	Luas Fizikal (Ha)	Luas Bertanam (CHE)	Kuantiti Hasil (Kg)	Nilai Hasil (RM)	Jumlah Pendapatan Bersih (RM)	Purata Pendapatan Bersih sebulan (RM)
Hussain Yusof	1.55	3.00	76,101	123,950.90	62,350.90	5,927.87
Mohd Al-Edi Jaafar	0.95	1.45	25,735	61,437.00	36,327.00	4,036.33
Badrul Hisham Mustapha	2.37	5.35	256,350	195,170.00	104,945.00	11,660.55
Mohd Nasir Awang	2.37	5.35	128,175	195,170.00	104,945.00	11,660.55
Mohd Nasharuddin Muda	1.19	3.17	92,300	128,010.00	44,610.04	4,956.67
Mohammad Kadir	1.44	1.45	18,864	43,725.00	26,034.50	2,892.72
Mohd Izuddin Dzamani	1.47	2.68	60,390.0	99,597.00	41,662.00	4,629.11
Nafis Ismail	0.63	0.38	2,839	6,717.00	6,161.00	684.55
JUMLAH	11.97	22.83	660,754.00	853,776.90	427,035.44	46,448.35

Sumber: Pejabat Pertanian Gua Musang bagi pendapatan peserta projek TKPM Lojing Januari - September 2010

Sejak 14 tahun lalu, seramai 32 orang peserta menyertai TKPM, dan sekarang hanya tinggal lapan orang. Pada peringkat awal kerajaan menyediakan modal sebanyak RM3,000 kepada setiap peserta bagi mengusahakan tanaman di kawasan seluas satu hektar setiap seorang.

Kini setiap peserta boleh senyum lebar apabila pendapatan mereka setaraf dengan pegawai kanan kerajaan. Peserta sekarang mempunyai modal pusingan sekurang-kurangnya RM10,000 sebagai kos membiayai penanaman sayur. Kerajaan mensasarkan setiap peserta mendapat pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan sudah lama menjadi kenyataan.

Tanaman tomato secara fertigasi, kacang buncis, cili merah, kubis, salad dan terung membuah hasil yang lumayan buat mereka. Peserta yang paling berjaya pada tahun lepas ialah Hussain Yusof, 40, berasal dari Chetok, Pasir Mas. Beliau dinobatkan sebagai Peladang Jaya Peringkat Negeri 2010 sempena karnival Peladang, Penternakan dan Nelayan Negeri Kelantan.

Beliau mula menyertai TKPM pada Julai 1999 selepas memohon di Jabatan Pertanian di Lundang, Kota Bharu. Ketika di kampung, beliau sudah berjinak dengan penanaman sayur selepas tamat menduduki peperiksaan SPM. Beliau juga pernah bekerja sebagai buruh kontrak.

Kini Hussain mengusahakan tanaman kubis, tomato, lada merah dan kacang buncis di kawasan seluas 1.2 hektar. Beliau juga bertuah apabila isterinya, Noraziana Mohamad, 28, turut membantunya. Mereka tinggal empat beranak di rumah yang disediakan oleh Jabatan Pertanian. Selain itu, beliau juga turut dibantu oleh empat orang pekerja ladang warga Indonesia.



"Setiap pekerja saya bayar gaji sebanyak RM800 sebulan. Dan kalau dicampur dengan keperluan lain termasuk baja dan racun, modal sebanyak RM12,000 diperlukan pada setiap bulan.

Bukan mudah untuk mendapat hasil bersih sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan. Pukul 8.00 pagi saya sudah berada di kebun, tengahari pulang sekejap untuk makan dan solat. Selepas tu pergi semula. Tak kira hujan atau panas kerja di kebun mesti dilakukan".

"Kalau buah yang sudah matang lambat dipetik menyebabkan kualitinya kurang," ujarnya. Ditanya mengenai pasaran, katanya ia tidak menjadi masalah memandangkan pemborong dari Cameron Highlands, Gua Musang dan Kota Bharu sering datang. Telefon sahaja mereka akan muncul.

Lebih teruja lagi apabila tomato TKPM Lojing kini menguasai pasaran di seluruh negara. Malah ada juga dihantar ke Singapura dan Thailand. Hasil kegigihan selama 11 tahun kini beliau mampu memiliki kebun getah seluas lima ekar dan menyiapkan rumah bernilai RM80,000 di Kuala Betis, Gua Musang.

"Budinya kepada tanah akhirnya berbaloi juga," ujar pembantu pertanian di Lojing, Mohd Hazani Zakaria. Hussain mengukir senyum tanda kepuasan dengan usaha yang dilakukannya.

Biar pun hujan turun agak lebat, beliau mengajak kami melihat kebun tomatonya yang subur menghijau. Buahnya cukup besar dan merimbun dari tangkai sehingga terjuntai ke tanah. Biar pun kelihatan penat dan kesejukan, namun Hussain leka mengutip buah tomato. Tidak hairanlah kegigihannya itu melayakkan beliau dinobatkan sebagai penerima Anugerah Peserta TKPM Terbaik Malaysia pada tahun 2008.



Hussain sedang meneliti tomato di kebunnya



Kebun Hussain di Lojing, Gua Musang

Anugerah kecemerlangan Usahawan Tani Jaya 2010

Norazimi

mula perusahaan dengan modal RM 1,000

Oleh Salma Husain

Foto Ahmad Nai'me Muhammad



JANGAN dipandang pada fizikal, usah diukur pada lahiriah atau usia untuk melihat seseorang itu berjaya atau sebaliknya. Apa yang penting di mana ada usaha, di situ ada kejayaan. Kesungguhan dan ke-rajinan adalah kunci kejayaan.

Perumpamaan ini membawa kita mengenali dengan lebih dekat seorang pengusaha muda dari Kampung Tasek Pauh, Selising, Pasir Puteh. Bermula sebagai seorang peniaga pakaian di pasar malam di Pasir Puteh, akhirnya beliau bertukar kepada usahawan tanaman cendawan yang berjaya.

Berbekalkan modal sebanyak RM1,000 bagi menyediakan 1,000 beg media sebagai permulaan, usahawan berusia 27 tahun ini kini muncul sebagai salah seorang pengusaha cendawan yang berjaya di Kelantan.

Beliau mula berkenalan dengan cendawan selepas mengikuti kursus di Jabatan Pertanian. Norazimi

Azwal Nordin akhirnya meluaskan projek berke-naan dengan modal sebanyak RM70,000 bagi membina bangsal yang lengkap dengan pelbagai kemudahan. Bilik suntikan, mesin mengisi media dan peralatan *steamer* juga disediakan.

Biar pun pelbagai jenis cendawan yang ada di pasaran ketika itu, namun Norazimi lebih berminat kepada cendawan jenis tiram kelabu. Di antara cendawan lain adalah telinga kera atau jeli hitam, cendawan kukur, butang, lingzhi, jaring emas, bunga kubis dan cendawan tiram.

"Ini kerana permintaannya lebih tinggi memandangkan ia turut digunakan untuk ramuan ubat-ubatan tradisional. Penggunaan cendawan



Media penanaman cendawan



Rumah cendawan

kini semakin meluas khususnya sebagai produk makanan," katanya ketika ditemui krew QIADAH baru-baru ini. Sebelum ini cendawan digunakan sebagai pelengkap masakan tomyam atau sup. Kini cendawan goreng pula semakin popular.

Harga pasaran cendawan adalah lebih kurang RM7 hingga RM8 sekilogram. Namun Norazimi menjual kepada pembekal dengan harga RM5 sekilogram. Kejayaan usahawan muda ini turut dikongsi bersama 18 orang penduduk di sekitar kampungnya.

Mereka mendapat peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh Norazimi, hasil usaha gigih pengeluaran cendawannya mencapai 239 tan metrik setahun yang bernilai RM259,317.

Ditanya mengapa beliau memilih industri cendawan, beliau mengakui pada awalnya beliau masih ragu-ragu memandangkan penternakan cacing, ikan keli, ketam nipah dan lintah lebih diminati orang ramai ketika itu.

"Beliau memilih cendawan sebagai projek perintis memandangkan proses penanamannya tidak rumit."



Lauk-pauk yang berasaskan cendawan



Bilik suntikan

Bagaimanapun beliau memilih cendawan sebagai projek perintis memandangkan proses penanamannya tidak rumit. Hanya sekadar menyiram bancuhan simen dua kali sehari bagi menyediakan tempat pembiakan.

Hari ini sebanyak 200 kilogram kulat sehari dapat dipungut. Sebanyak 60,000 beg media disediakan di bangsal pembiakan. Setiap satu media (plastik tempat menternak cendawan) seberat 1.1 kilogram hanya boleh digunakan sehingga enam bulan sahaja.

Beg itu mengandungi habuk gergaji, dedak dan benih cendawan. Beliau juga membekalkan beg media kepada penanam cendawan lain dengan harga RM1.20 setiap beg.

"Cuma yang menjadi masalah sekarang ialah kesukaran untuk mendapatkan habuk gergaji. Dahulu habuk gergaji hanya menjadi bahan terbuang, namun sekarang permintaannya adalah tinggi," ujarnya.

Habuk gergaji dibeli pada harga RM350 di mana RM250 dibayar kepada pengangkutan (lori) dan RM100 lagi untuk pemilik kilang papan. Kini, Norazimi tidak menumpukan kepada penanaman cendawan sahaja, sebaliknya mengusahakan sebuah restoran berasaskan masakan cendawan di pekan Selising.

"Saya juga bercadang untuk menghasilkan produk tepung segera untuk menggoreng cendawan frozen seperti nugget," ujarnya. Ayahnya Nordin Abdullah, 54 merupakan orang penting di sebalik kejayaannya sekarang. Ujar Norazimi, tanpa sokongan ayahnya yang juga seorang peniaga, sudah tentu beliau tidak akan mencapai kejayaan di tahap sekarang.

Beliau pernah menempa beberapa kejayaan dalam pertandingan sehingga mendapat pelbagai anugerah sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan. Beliau juga pernah mendapat Sijil Penghargaan di peringkat 3K Belia Bestari Negeri Kelantan dan Sijil Anugerah Belia Negara 2010.

Selain itu, beliau pernah mendapat Anugerah 1,000 Usahawan Tani Jaya Sempena Ekspo Pertanian Kelantan 2010 dan Sijil Penghargaan MAHA International 2010. Juga, menang tempat kedua pertandingan cendawan bagi kategori cendawan cantik peringkat kebangsaan. Kejayaan itu bagi Norazimi sedia dikongsi bersama dengan belia yang berminat.

"Sekarang ramai yang datang untuk mendapatkan tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman. Apa yang penting ialah minat, usaha perlu ada, modal boleh dicari," tambahnya.



Restoran Norazimi yang berasaskan cendawan di pekan Selising, Pasir Puteh

THE TRADITIONAL method of paddy farming

By Rossem & Amirul Ikhwan Sulaiman

The younger generation of today is largely ignorant of the processes involved in rice cultivation especially of the methods used in the past. Nowadays, rice harvested from the plots is never taken home but is instead delivered straight to the mills. Thus, there is little chance for today's youths to take a firsthand look at the unprocessed paddy grain.

Before modern technology was introduced most of the work involved, from seeding to harvesting, was done manually. The harvest would be taken home and kept in a special barn called 'baloh' before the grain is pounded to give white rice. Before irrigation was introduced in Kelantan in the early 1960s, the cultivation of rice was only done once a year as it wholly depended on the rain.

Farmers started ploughing their land using buffaloes at the end of the year when the monsoon rain filled the paddy fields making the soil easy to till. The traditional tools used in ploughing included the plough, harrow, hoe, trowel and so on. The plough and harrow were normally made from selected wood like the *halban* (*vitex pubescens*) and *cengal* (*neobalano carpus heimii*).

During ploughing the farmer would stand on the rake pulled by the bull. One hand would hold the rope pulled by the bull. The other a short stick to flog the animal and ensure it didn't stray. Ploughing would normally be carried out in the morning between 8 and 11 am. The bull would then be rested after the heavy work, fed and bathed.

The animals, whether the male cow or buffalo, were inspected before they were brought to the field. The inspections were needed to ensure that they were healthy and fit since ploughing was hard work. Only specially trained bulls were capable of such tasks. Ploughing was normally done using a pair of animals but if the buffalo was of a good size then a single animal would be able to do the job. In Kelantan, the buffalo was preferred over the cow for these tasks.



Once the paddy fields had been ploughed the crushed soil was left for a few days to soften it before the seeds were planted. Transplanting the rice seedlings from the nursery to the fields, or locally known as 'mencedung', was a back-breaking task for the farmers. The job was known as 'cabut semai' and normally done by the women in communal work.

Replanting the seedlings was a family affair carried out by every member of the farmer's family. It was also a form of communal work performed in a big group, a normal practice in the 1950s and 1960s. Farmers took turn to help each other on the paddy field. A half-acre plot could be merely be completed in one morning by a group of 10 farmers which would otherwise took one man up to five days.

In the past, transplanting the seedlings in Kelantan was done using a wooden tool known as 'kuku kambing' or literally translated as goat's hoof. However some farmers preferred to use their own hands. The seedlings were pressed into the soil with their right hand while the left held the seedlings. Once the seedlings had been replanted, the farmers' daily tasks became lighter. They only needed to come to the plots once in a while to clear the weed. They would occasionally come to put fertiliser or pesticide.

When the plants started yielding grains the farmers had to tend their fields more regularly. Some put up scarecrows to scare away the birds. After six months, the paddy grains would ripen and turn golden and be ready for harvesting. This was the happiest moment for the farmers as their months of hard work finally bore fruit.

Harvest time was once again a family affair when the farmers went out to the fields with their wives and children. Harvesting the rice involved cutting the base of the plants using a small sickle. The plants that had been collected would be rounded up and carried away on poles known as 'kenaran'.

The poles were made from bamboo an arm's length. The farmers would carry them on their shoulders with the cut plants clipped at both ends. To separate the grains from stalk, a tool known as 'mukul padi' was used. It consisted of a sail made from gunny sacks and a box measuring 3 x 4 feet. The task of separating the grains are carried out by the men. The grains were then filled into sacks and taken home for storage in the 'baloh'.

The end of the harvest season was eagerly anticipated by everyone especially the children. The left-over stalks were burnt to fertilise the soil. During this time, the paddy field turned into a big playground with children and adults running about. This was also the time for trying out the 'wau' or the traditional kites. They also played football or *takraw*. In the evening, there would be *wayang kulit* and *dikir barat* performances. This was how the farmers celebrated after six months of hard work.



ORGANIC RICE IN TUNJONG

By Atiff Idris & Muhammad Badiuzzaman
Photo Ahmad Naime Muhammad

Organic food is presently the in-thing in the country with more people especially professionals and the environment - conscious turning to it for various reasons. New converts professed that organic food which was grown chemical-free was safer and much healthier to eat and at the same contributed to a much cleaner and better environment. The high demand for organic food has also lead to the setting up of many farms all over the country supplying fresh vegetables, fruits and other products.

Many farm owners have also converted to organic farming as they find that their cost could be cut down. In organic farming, chemical fertiliser and pesticide, which form a big propotion of their expenses, are not used. Organic product also fetches a higher price. Although the number of organic vegetable and fruit farms are on the rise, the same could not be said for organic rice farms, the staple diet for the people of the region.

Kelantan has taken a lead in the cultivation of organic rice as part of its efforts to transform the local agricultural sector and champion a more environmental-friendly system. The organic rice farming project, based on the System of Rice Intensification (SRI), was

the brainchild of State Executive Councilor Dato' Husam Musa. SRI focuses on sustainable land management and stresses the importance of land fertility, the ecosystem and zero use of chemical fertiliser and insecticide.

Tunjong, which is located in the Salor state constituency, was chosen as the location of the pilot project which started in 2009. It has also caught the attention Chief Minister, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat. Besides the commercial aspect, the project was started in order to educate the people in the constituency, in particular, and Kelantan, in general, in organic farming which was something new to most farmers.

The Tunjong farm was started by non-governmental organization Salor Care which was under the patronage of Husam. It formed a company called Sunnah Tani Sdn Bhd specially to manage the organic rice farming activities. The project was aimed at producing quality rice, which would give better harvest, incur minimum management cost and at the same time preserve the environment. It would also help to minimise global warming, currently a major issue.





The use of chemical fertiliser and insecticide also affects the ecosystem and destroy the natural habitats of the flora and fauna that is also a source of additional income for farmers including various local fish like the catfish and snakeheads as well as eels and snails.

The first phase of the project involving approximately 4 hectares was carried out on an abandoned piece of land in Tunjong, not far from the present hive of construction activities at the Tunjong New Town. The organic rice cultivation was started with the help of Aidi Sharifuddin, also known as Pak Aep to friends and colleagues, and three assistants who were brought in from Tasik Malaya in Bandung, Indonesia.

An experienced and firsthand practitioner of organic farming, Pak Aep was also attached with an agricultural organisation in Brunei Darussalam. While in the country, he also held several courses and road shows in the constituency and state to brief and demonstrates to local farmers on the cultivation of organic rice. Since Pak Aep returned to Indonesia last year, the farm has come under the supervision of Farif Othman who previously trained under him.



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

At the Tunjong farm, rice cultivation is done manually based on a single source of seedlings to ensure that it produces more resistant seedlings. It is capable of producing more grains of rice; more than 150 per stalk compared to only 30-60 grains per stalk in normal practices. The process of enriching the soil is also done continuously to maintain it at pH6.8 - pH7, which is the most suitable for organic farming.

HIGHER YIELD

The SRI method has also lead to a higher yield where a hectare of paddy is capable of producing up to 7 to 11 metric tons of rice compared to the traditional method that can only produce between 3 and 4.4 metric tons.

After two years of organic paddy cultivation at Tunjong, the result has been overwhelming. The farm



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

operated by Sunnah Tani has caught the interest of many organisations including Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Malaysia Kelantan which have been sending students for their practical training there.

The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and the rice industry regulator and distributor Padiberas National Berhad (BERNAS) as well as agricultural agencies from Kedah and Selangor have also visited the farm.

Organic rice farming has also spread to other districts in Kelantan as more than 40 participants who underwent a course at the Tunjong farm have started their own projects in their home towns.




 موناليزا مستورا انترقريس سنديريان برحد
MONALIZA & MASTURA ENTERPRISE SDN. BHD.

COMPUTER AND ACCESSORIES
 (SALES, SERVICE & REPAIRS)

BROADBAND REGISTRATION
 (CELCOM, MAXIS, TM NET STREAMYX , P1 WIMAX)

NETWORK INSTALLATION

CCTV INSTALLATION

ASTRO INSTALLATION



: 303-A, GORR, BASEMENT FLOOR, K&M MALL, LOT 2-23, SECOND FLOOR, K&M MALL, TUNJONG PAHANG, 15050 KOTA BHARU, KELANTAN
 P1 2806, GEREK 12, JALAN HOSPITAL, 15200 KOTA BHARU, KELANTAN - 53421, JALAN LABOH SEFO, 17200 BANTAU PANIHANG, KELANTAN.
 TEL: 09-7418 412/410/411 K&M MALL 09-7418 2312/230/2301 GEREK 12 09-7435 1018 BANTAU PANIHANG FAXS : 09-7435 8289

KEISTIMEWAAN PROJEK-PROJEK SENTOSA:

- ✓ Kos guaman di tanggung oleh pemaju
- ✓ Deposit rendah
- ✓ Rekabentuk menarik dan terkini
- ✓ Lokasi yang strategik



TSS TAWANG (BACHOK)

TSS PANYIT (MACHANG)



SELISING (PASIR PUTEH)



KOTA BHARU (KELOCHOR)



BANDAR PASIR PUTEH



SENTOSA GROUP OF COMPANIES
 Lot 342, Seksyen 27, Jalan Pengkalan Chepa
 15400 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim
 Tel: 09-7433 555/666/999 Faks: 09-7433 444
 E-mel: sentosa333@yahoo.com

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI
07-7433 555 / 666



Sentosa Jaya Sdn. Bhd.
 (173345-W)

Sentosa Jaya Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pelaburan hartanah, jentera berat dan perlombongan yang telah beroperasi selama 22 tahun. SJSB mempunyai rekod cemerlang di dalam pengurusan hartanah dan pengurusan projek di sekitar Kelantan.



DEVELOPMENT SDN. BHD.
 (Co. No.286312-K)

Sentosa Jaya Development Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pemaju perumahan yang mempunyai pengalaman lebih 15 tahun. SJDSB juga telah berjaya membina dan menyiapkan projek-projek perumahan yang bernilai lebih RM100 juta.



Donraz Development Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pemaju perumahan dan perniagaan komersil serta operasi perlombongan. DDSB juga telah berjaya menyiapkan projek-projek pembangunan perumahan dan komersil lot yang bernilai hampir RM20 juta.



BEKO PULUT ATAU UBI KAYU:
 RASI RASA LEMAK MANIS SELOROH ORANG MELAYU

Oleh Zananzaly Foto Ahmad Nai'me

BUDI bahasa busana bangsa. Dari gaya tutur kata, orang dapat meneka dari mana datangnya gerangan si polan. Apakah dia berasal dari istana, perantau dagang atau golongan kebanyakan. Sebermula dengan letak lunas butir bicara juga membolehkan para bijaksana mengenal hati budi tetamu yang menyapa apatah lagi ketika dia berse-

loroh, samada orangnya berpekerti mulia, dan cakna atau bangsa yang gasang, kurang sopan atau cakdoh.

Sekiranya sopan dan molek budi yang bertandang memikat hati, tuan rumah mempersila tetamu naik ke rumah seraya meminta tolong anak bujangnya di serambi untuk mengait sebiji kelapa di hujung halaman.



Kelapa muda berkulit hijau berusia pertengahan jadi pilihan segera dikupas. Apabila terpampang jelas akan tanda hitam pada sebahagian daripada tiga petak tempurung buah kelapa itu atau digelar orang tempatan sebagai *nyor ite setape*, itulah petanda atau ukurtara kelapa pada usia yang sedang-sedang elok untuk dibuat kuih. Kelapa berkenaan kemudian dihulurkan kepada suri di dapur untuk dikukur bikin hidangan petang buat penambah perisa seloroh dalam bual dan senda dengan tetamu bertandang.

Jika hajat mahu membuat kuih ini terdetus dari awal, setin susu beras pulut sudah pun direndam sekurang-kurangnya empat jam awal-awal lagi dan ditoskan. Sebaliknya, jika niat baru terlintas dalam dada, boleh sahaja digunakan tepung beras pulut yang sedia ada di pasaran dengan sukatan sebanyak 125 gram.

Untuk mengekalkan keaslian rasa sekaligus memartabatkan tradisi yang diwarisi turun-temurun dari leluhur, suri meminta tolong anak daranya mengeluarkan batu kisaran dari dalam stor untuk mengisar beras pulut dengan kisaran kering untuk menukar butir beras pulut menjadi serbuk yang kemudian dicampur dengan secawan air, dua biji telur ayam dan kelapa kukur.

Kuih Melayu tidaklah lengkap jika hanya berasa lemak tanpa manis dan masin memesrai lidah. Maka, gula pasir atau manisan (gula melaka) dan garam ditambah sesedap rasa. Dua atau tiga helai simpulan daun pandan pula ditaruh sebagai pembangkit aroma.

Jika ada ubi kayu dan mahu menyediakan variasi dua rasa yang ketara berbeza tapi berlemak manis yang tak kurang sama, boleh sahaja diparut atau sagat ubi kayu yang sudah dikupas kulitnya dan dibasuh bersih-bersih. Masukkan isi sagatan ubi kayu kedalam kain bersih dan perahlah sehingga kering bagi tujuan mengambil pati ubi setelah airnya hening.

Kesemua adunan yang sudah pun digaul sebatu dengan kadar kelikatan sederhana iaitu tidak terlalu pekat atau terlebih cair itu sedia untuk dituangkan ke dalam acuan tembaga bulat berlekuk-lekuk bujur di dalamnya.

Sambil bersembang dan berseloroh, alangkah meriah anak bujang tuan rumah menukun sabut kering ditemani tetamu yang tak kering gusi berkecinaan dan berceloteh perihal itu ini sekitar kehidupan ataupun kerjaya seharian dalam kemesraan menyerlah. Tuan rumah mengajak pula jiran sebelah-menyebelah bagi mengeratkan lagi ukhuwah Islamiah.

Timbunan sabut itu dicucuh api dan dibiarkan menyala seketika sebelum dikipas laju-laju sehingga api padam dan sabut dibiarkan berbara hangat di bawah dua batang besi yang digalang di atas susunan dua atau tiga bongkah bata jongkong tanah liat.



Beko pulut

Adunan di dalam acuan tembaga ditutup rapat lalu sabut berbara yang lain pula diletakkan ke atas penutup acuan yang juga diperbuat daripada tembaga yang bersifat panas dengan sangat cepat agar mendapat haba pada bahagian atas dan bawah dengan kadar suhu hangat serata.

Selepas dibakar hingga masak satu demi satu acuan sehingga habis kesemua adunan yang wangi beraroma pandan menyebarkan deria hidu, siaplah hidangan kuih beko dua rasa; pulut dan ubi kayu, punyai bentuk bergeluk seperti perahu lalu sedia disusun elok ke dalam pinggan untuk dinikmati bersama air nyiur muda atau kopi atau teh untuk meneruskan sembang petang yang rancak oleh tuan rumah seisi keluarga dan seloroh tetamu.

Usik senda jiran tetangga menguatkan ikatan tali silaturahim umat Melayu Islam bersatu pelengkap akrab padu serasi melengkapi enak rasa lemak manis kuih beko pulut atau beko ubi kayu.



Beko selalunya dijual bersama akok

Majestic Baru Satu-satunya Cat EcoHealth™

BARU!

- Majestic EcoHealth™**
Pilihan yang lebih hijau dan sihat.
- 100% bebas dari APEO.
 - 100% bebas dari Formaldehid.
 - 100% bebas dari Logam Berat.
 - Dwi-perindungan dengan Anti-Bakteria dan Anti-Kulat.



Kunjungi Pusat Multicolor Jotun terdekat anda hari ini!
JOTUN (MALAYSIA) SDN BHD

www.pkb.net.my



PERMODALAN KELANTAN BERHAD
Merealisasikan Visi Berteraskan Islam



PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM
Ar-Rahn iaitu sistem gadaian Islam, memberikan jalan alternatif kepada masyarakat untuk memenuhi keperluan kewangan peribadi dan komersil.



TELEKOMUNIKASI
Menyediakan peluang perkhidmatan telekomunikasi dan memastikan bahawa semua menara telekomunikasi yang dibina dalam negeri Kelantan memenuhi peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kerajaan Negeri.

Permodalan Kelantan Berhad
Tingkat 8, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong
15000 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-741 4343 Faks : 09-741 4342
E-mel : pkb@streamyx.com, pkb@pkb.net.my



ROSELLE 'CRISTAL' KAYA DENGAN VITAMIN C

Oleh : Mazlan Jusoh
Foto : Ahmad Naimie Muhammad

Ramai beratur panjang di hadapan kaunter di sebuah klinik bagi menghulur diskripsi untuk mendapatkan ubat. Mereka mengadu demam selesema. Cuaca yang agak panas membuatkan ramai yang tidak tahan. Ada orang bercakap dengan suara agak garau, kadang-kadang batuk kecil. Ketika batuk keluar lendir berwarna putih kekuningan.

Namun lain pula bagi Pak Mat. Beliau hanya seorang petani, tetapi antibodinya agak kuat. Ketika orang lain diserang selesema, Pak Mat masih lagi gagah datang ke kebun melihat pokok roselle yang ditanam. Apa rahsia Pak Mat sehingga tidak dihinggap virus selesema. Rupa-rupanya beliau sudah lama mengamalkan minum jus roselle.

Roselle merupakan antara keluarga bunga raya. Nama saintifiknya ialah *Hibiscus Sabdariffa L*, atau disebut juga *Hibiscus Rosasinensis*. Dikatakan berasal dari Sudan, Afrika. Tumbuhan ini mulai diperkenalkan di Malaysia lebih tiga kurun yang lampau. Di kampung orang ramai lebih mengenalinya dengan nama asam paya, asam kumbang atau asam susur.

Pokok roselle tumbuh dari biji benih atau keratin. Tanaman roselle mudah hidup di tanah jenis beris dan mineral. Ia mampu mencapai ketinggian sehingga 205 sentimeter dan mengeluarkan bunga sepanjang musim. Bunganya berwarna cerah dan salut bunga atau kalikisnya berwarna merah gelap. Keadaan fizikalnya lebih tebal berbanding bunga raya biasa.



Roselle berbeza daripada tumbuhan lain kerana salut bunganya boleh diproses menjadi makanan kesihatan. Rasanya agak masam. Salut bunga roselle yang diproses boleh menjadi minuman, halwa, jeli, jem, sos dan jeruk buah atau dalam bentuk serbuk. Bukan sahaja kaliks bunga yang boleh dimakan, sebaliknya batang pokok roselle juga boleh dijadikan ulam. Ada juga yang menjadikan batang pokok roselle sebagai bahan perisa yang dicampur didalam kuah kari.

Roselle lebih dikenali sebagai *magical plant* kerana kelebihan yang ada padanya. Daun roselle sebenarnya sudah lama digunakan sebagai ulam di kampung. Bunganya diproses menjadi jus atau jem, manakala batangnya boleh diproses menjadi fiber putih berkualiti tinggi. Ia boleh digunakan bagi menghasilkan tali atau berus.

Mengambil kira banyak khasiat yang terkandung dalam abstrak bunga roselle, ia mulai ditanam secara komersil di Malaysia pada awal tahun 1980-an iaitu di Terengganu. Tanaman roselle sekarang diperluaskan ke Kelantan, Kedah dan Johor. Roselle mengandungi 240 gram vitamin C. Berbanding buah-buahan lain, misalnya betik hanya mengandungi 60 gram vitamin C dan limau pula 40 gram sahaja.

Berdasarkan kepada banyak kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik di universiti, di antara khasiat roselle ialah melegakan sakit tekak, mencerdaskan minda, mencairkan kahak, mengatasi sembelit, menstabilkan darah tinggi, mencantikkan kulit dan menghalang penyakit kulit. Selain daripada itu, ia mampu menurunkan hipertensi dan kolestrol dalam darah serta meningkatkan metabolisme. Walaupun khasiatnya begitu banyak, namun masih ramai yang tidak tahu.

KEMPEN MINUM ROSELLE

Pada awalnya tanaman roselle diperkenalkan di Kelantan sebagai cadangan bagi menggantikan tembakau. Ini kerana tembakau mendatangkan banyak kesan negatif kepada kesihatan manusia. Bagaimanapun cadangan kerajaan negeri untuk menggantikan tembakau dengan tanaman roselle masih belum mampu menjadi kenyataan. Di peringkat Kementerian Pertanian pernah dijalankan kempen dengan agak meluas mengenai penanaman roselle suatu ketika dahulu, namun malangnya tahap penggunaannya masih tidak berubah.

Sekarang, di Kelantan ada dua syarikat yang mengeluarkan produk jus minuman berasaskan roselle. Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd (KPKB) dan RMZ

Industries Sdn Bhd mempelopori pengeluaran jus minuman yang mengandungi vitamin C itu.

Eksekutif Perancangan Korporat KPKB, Rosmadi Mohamed berkata, tanaman roselle dilaksanakan secara kontrak ladang dengan petani di Kampung Gong Batu, Bachok. "Kawasan seluas 30 ekar itu ditanam roselle oleh penduduk yang terlibat sebagai peserta projek. Program itu dimulakan pada tahun 2008 yang melibatkan seramai lapan orang peserta. KPKB membekalkan anak benih dan baja kepada peserta. Benih boleh didapati daripada MARDI".

"Selepas tiga bulan pokok mengeluarkan bunga yang boleh diabstrak menjadi jus roselle," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Jalan Bayam, Kota Bharu pada 14 Rabiul Awal lalu.

Tempoh hayat pokok roselle boleh mencapai 10 bulan. Batangnya berwarna merah gelap ketika usia matang. Daunnya berwarna hijau di mana pada peringkat awal berbentuk bujur kemudian menjadi seperti tiga jari. Pokok mulai berbunga pada usia 45 hingga 60 hari selepas ditanam. Bunga akan keluar pada setiap ketiak daun.

Buah roselle berwarna merah gelap akan matang pada umur 35 hari selepas bunga kembang. Setiap buah mengandungi lima kaliks yang bercantum bersama di bawah bunga. Buah yang cukup matang dan sedia dipungut pada hari ke-20 hingga 30 selepas bunga kembang. Buah roselle perlu diproses dalam tempoh dua hari selepas dipetik di mana buah dibuang kapsulnya untuk mendapatkan kaliks.

Bagi mereka yang tidak mempunyai mesin bagi menghasilkan jus roselle, kaedah tradisional juga boleh digunakan. Untuk seorang, hanya lima kuntum bunga roselle sudah memadai untuk menghasilkan secawan jus roselle.

Tuang air panas yang baru mendidih ke dalam bekas yang mengandungi roselle. Tunggu sehingga warna buah roselle keluar. Kemudian masukkan gula secukup rasa dan sedia untuk dihidangkan. Bagi mereka yang gemar jus roselle panas juga boleh menikmatinya tanpa ais.





Berlainan pula dengan produk roselle yang dihasilkan oleh KPKB. Pengeluarannya berskala besar menggunakan mesin berteknologi tinggi. KPKB membeli bunga roselle daripada petani yang sudah mengikat kontrak perladangan.

"Roselle yang dipungut kemudian dibawa ke kilang untuk diproses menjadi minuman atau makanan. KPKB membeli bunga roselle daripada petani tanpa mengambil kira permintaan produk yang sudah diproses. Namun memandangkan permintaan jus roselle agak perlahan menyebabkan masih ada lambakan bunga roselle dalam stor di kilang," ujarnya.

Jus roselle dikeluarkan KPKB menggunakan jenama Cristal. Ramuan bagi menghasilkan jus roselle keluaran KPKB mengandungi gula tebu halus, jus pekat roselle, asid sitrik, asid askorbik dan bahan pengawet yang dibenarkan. Jus roselle itu dikeluarkan atas nama Murni Marketing Sdn Bhd, anak syarikat milik KPKB. Kilangnya terletak di Kompleks Perusahaan Makanan KPKB Wakaf Zin, Bachok.

Rosmadi berkata, mesin menghasilkan jus roselle dikendalikan oleh tiga orang kakitangan. "Produk yang dihasilkan bergantung kepada permintaan pasaran. Pasarnya sekarang masih lagi belum meluas. KPKB juga pernah membuat cadangan kepada kerajaan negeri untuk menjadikan roselle sebagai minuman rasmi pada tahun 2006," katanya.

Bunga roselle yang sudah matang dibeli pada harga RM2.30 sekilogram. Memandangkan permintaan produk

berasaskan roselle masih belum meluas menyebabkan petani tidak dapat menanam pada skala yang lebih besar.

Roselle jenama Cristal keluaran KPKB boleh didapati di Pasar Besar Siti Khatijah dan beberapa buah pasar raya di negeri ini. Rosmadi berkata, produk roselle KPKB akan turut dipasarkan di Lembah Klang dan Terminal Makanan Negara di Ipoh, Perak tidak lama lagi.

Terdapat tiga jenis jus roselle yang dihasilkan oleh kilang KPKB iaitu kordial roselle, jus minuman roselle dan halwa roselle Cristal. Kordial roselle boleh didapati dalam pelbagai jenis perisa iaitu laici, mangga dan strawberi serta buah-buahan tempatan.

Kapasiti pengeluaran roselle dalam tempoh sebulan adalah seperti jadual berikut:

Bil	Jenis Pengeluaran	Kapasiti Pengeluaran
1	Kordial Roselle	108,000 botol
2	Jus Minuman Roselle	216,000 botol
3	Halwa Roselle Cristal	500 kg
4	Pati Roselle	6,400 jar
5	Bunga Kering Roselle	400 kg

Bercerita lanjut mengenai potensi masa depan roselle, Rosmadi berkata, kerajaan persekutuan pernah mewujudkan Majlis Perundingan Industri Roselle yang diletak di bawah Kementerian Pertanian. Namun Majlis itu tidak aktif dan difahamkan sudah dibubar. "Sedangkan khasiat roselle begitu besar kepada kesihatan kita. Sepatutnya kerajaan melaksanakan kempen yang lebih agresif

lagi bagi menjelaskan khasiat roselle. Apabila penggunaannya telah meluas, ia dapat membantu petani meningkatkan pendapatan mereka," ujarnya.

KILANG KPKB

Kilang KPKB di Wakaf Zin, Bachok beroperasi sejak tahun 1999. Pada peringkat awal, produk yang dihasilkan adalah sardin, kari ayam dan kerutuk yang ditinkan. Manakala pada tahun 2007 pula, produk lain seperti serbuk kunyit, lengkuas, halia, jintan, lada sulah, lada hitam dan ketumbar turut dihasilkan termasuklah perencah tandori, serunding daging dan ayam.

Rosmadi berkata, bagi mempelbagaikan produk, KPKB turut menjalinkan usahasama dengan sebuah syarikat bagi mengeluarkan produk selain jus minuman. Shaqur Food Industries merupakan syarikat perintis yang menggunakan kemudahan kilang KPKB bagi mengeluarkan produk makanan menggunakan jenama Kelate. Produk yang dihasilkan iaitu kicap, sos rojak buah, cuka makan dan sos bilis.

Mungkin ramai yang tidak perasan terdapatnya sos pencicah berjenama Kelate yang ditulis *quality for the world*. Bagi kebanyakan rakyat Kelantan, jenama Kelate mungkin masih asing bagi mereka. Ia baru berada di

pasaran mulai Oktober 2010. Pengeluaran sos pencicah sekarang adalah sebanyak 1,000 botol sehari. Permintaannya begitu menggalakkan sehingga berjaya menembusi pasaran di Brunei, Singapura dan Thailand.

KPKB merupakan sebuah entiti milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) diperbadankan pada 29 April 1995. Objektifnya bagi membantu meningkatkan pengeluaran hasil pertanian di negeri ini. Oleh itu bagi mereka yang berminat mendapat produk roselle Cristal dan Kelate boleh menghubungi talian: 09-7461871, 7436323 atau 7474353, atau email: kpkb@streamyx.com.



EKSEKUTIF DIPLOMA PENGURUSAN KINI DI KOTA BHARU

- ★ PRINCIPLES & PRACTICES OF MANAGEMENT
- ★ ENGINEERING MANAGEMENT

Kelebihan Program :-

- ✓ Masa / Kaedah pembelajaran yang fleksibel & singkat (2 kali sebulan selama 18 bulan)
- ✓ Yuran pengajian berpatutan
- ✓ Sijil penganugerahan oleh UTM
- ✓ Konvokesyen di UTM
- ✓ Tiada Peperiksaan / Boleh Menyambung Ke Pengajian Ijazah (JPA / MQA)
- ✓ Kemudahan pembiayaan :
- KWSP / Bank
- HRDF / Ansuran Fleksibel



GOLONGAN BEKERJA

Email : timurmegaresources@gmail.com
Tel/Fax : 09-747 9090
H/P : 010-900 4470, 012-6366 720



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of Professional and Continuing Education (SPACE)



KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD
(342122-U)

**LOT 1809, BANGUNAN KPKB,
JALAN BAYAM,
15200 KOTA BHARU,
KELANTAN DARUL NAIM**

TEL: 09-747 4353, 09-744 4351, 09-743 6323

FAKS: 09-748 5787

emel: kpkb@streamyx.com

Laman Web: www.kpkb.com.my atau www.kpkb.biz

"INOVASI DALAM PERTANIAN"



ANAK SYARIKAT:
KPKB
LIVESTOCK SDN. BHD.



"BERTANI SATU IBADAH"

"KELANTAN JELAPANG MAKANAN NEGARA 2015"

دارول ديگيتل مولتيميديا سولوشن سنڊرين برحد
D.D MULTIMEDIA SOLUTION SDN BHD



Studio Perkhidmatan & Latihan
Pengurusan Dokumen Elektronik
Khidmat Latihan & Rundingan
Pensijilan Grafik & Animasi
Rakan Perniagaan Anda
Pembangunan Perisian
Multimedia & Grafik
Ejen Pengiklanan
Animasi 2D & 3D
Sewaan Fasiliti
E-Commerce
Percetakan
Videografi
Fotografi

www.daruldigital.com.my



D.D MULTIMEDIA SOLUTION SDN. BHD.
3rd Floor, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah
15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-747 3800/8802 Faks: 09-747 3801
Emel: admin@daruldigital.com.my | info@daruldigital.com.my

PROGRAM SKIM TAKAFUL KIFAALAH (WARGA EMAS)



Program kelolaan Kerajaan Negeri Kelantan bertujuan untuk memberi perlindungan dan juga khairat kematian untuk warga emas melalui caruman takaful.

KIFAALAH SDN BHD

Lot 5393-E, Jalan Telipot, 15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-747 6336 Faks: 09-747 6226



Anugerah Juara Kategori Takaful Keluarga 08/09
Anugerah 20 Agensi Korporat Terbaik Kategori Takaful Am Dan Keluarga 08/09
Anugerah Agensi Korporat Terbaik Kategori Takaful Am Dan Keluarga 08/09

Pendaftaran skim takaful kifaalah warga emas dibuka sepanjang tahun


Borang pendaftaran dan semakan melalui pejabat dun berhampiran atau lawati laman web kami:
www.kifaalah.com.my

"Ya Allah jadikanlah negeri kami negeri beragama, tempat istirahat orang-orang miskin dan memerlukan"

Membangun bersama islam, menerajui perubahan, mencapai keberkatan

BERSAMA MEMPERKASA AGENDA KEBAJIKAN MELALUI TAKAFUL

WAKIL KORPORAT TAKAFUL



Percetakan
ZULRAHIM
Sendirian Berhad

SMART PRINTING
&
CREATIVE DESIGN

Email: prczulrahim@yahoo.com.my

Lot 1811, Bangunan KPKB, Kg. Paya Rambai, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Tel: 019-9976513, 019-9194514, 019-9566514

Kelantan sana-sini: Nasi Ulam

Oleh Salma Husain | Foto Ahmad Nai'me Muhammad

KATA orang jauh berjalan banyak pengalaman. Mungkin juga ada orang suka mengutip pengalaman dengan makanan enak yang tidak terdapat di tempat mereka. "Saya datang Kelantan kerana suka menikmati pelbagai jenis makanan enak-enak di sini. Rasanya sedap, harga pun berpatutan. Kadang-kadang saya pun pening hendak pilih yang mana satu," ujar seorang pelancong dari Selangor.

Inilah keunikan Kelantan. Kota Bharu boleh dikatakan tempat lambakan pelbagai jenis makanan. Lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan, penuh meja dengan aneka jenis kuih yang dihidangkan.

Begitu juga restoran terkenal dengan pelbagai 'jenama'. Ada restoran nasi Kak Wook, nasi ala Kak Wook, Yati Ayam Percik, Zakini Nasi Kukus, Sup Belut, gulai kawah dan pelbagai lagi. Tidak kurang juga restoran nasi ulam atau ayam kampung. Pelbagai restoran di Kelantan mempamerkan menu masakan dengan *trademark* tersendiri. Inilah strategi bagi

menarik pelanggan.

Restoran yang menghadirkan masakan ala kampung juga menjadi kesukaan ramai. Pelbagai jenis lauk masakan Melayu tradisional seperti ikan keli goreng atau masak tempoyak dan ikan patin mampu memecah liur setiap pelanggan. Selain ulam-ulaman, restoran tersebut juga menyediakan ikan singgang yang menjadi hidangan popular penduduk Kelantan sejak zaman-berzaman. Di Kota Bharu sahaja terdapat banyak restoran yang menyediakan menu seperti itu.

Antaranya Restoran Nasi Ulam (Cikgu) di Kampung Kraftangan, Restoran D'Bayam di Jalan Bayam, Restoran Nasi Ulam Jaws di Jalan Wakaf Che Yeh dan banyak lagi. Harga yang ditawarkan adalah berbeza di antara restoran tersebut. Namun ia tidak begitu mahal, malah berpatutan. Bukan sahaja masyarakat Kelantan yang memilih restoran ulam-ulaman, sebaliknya pelancong juga turut meminatinya.

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE



Oleh itu pada edisi kali ini, QIADAH ingin membawa pembaca mengenali dengan lebih dekat sebuah restoran nasi ulam yang dikenali ramai di Kota Bharu. Lokasinya begitu strategik. Terletak di laluan utama iaitu di Batu 4 Jalan Kota Bharu-Kuala Krai. Restoran ini menjadi pilihan ramai pengunjung terutamanya waktu 'lunch hour'. Ia mempunyai keunikan tersendiri. Setiap meja ditutupi dengan kain sarung batik pelbagai corak bagi menarik perhatian.

Restoran Nasi Ayam Kampung (Cikgu) terkenal dengan pelbagai jenis masakan ayam kampung dengan citarasa kari, percik, bakar, sup dan gulai telur itik. Selain itu disediakan pelbagai jenis kerabu dengan menu ikan sama ada bakar, singgang, kari atau goreng.

Bagi merangsangkan lagi selera pelanggan disediakan juga ulam-ulaman segar seperti daun pegaga, mentimun, petai, pucuk gajus, ulam raja dan banyak lagi. Ada juga yang dicelur seperti jantung pisang terung dan bendi.

Ulam boleh dimakan dengan mencicah budu yang lengkap dengan lada dan asam limau. Atau juga sambal yang membuatkan anda terasa kepedasannya.

Pemiliknya Siti Nur Zamani Mat Kashim, 33, ketika ditemui wakil QIADAH berkata, restoran berkenaan sebenarnya diasaskan oleh neneknya sejak awal tahun 1960-an. Nur Zamani yang berdarah campuran Melayu-Cina berkata, ia disambung pula oleh ibunya, Azizah Abdul Wahab, 49.

"Bagaimanapun bermula pada tahun 1999, saya sebagai anak sulung daripada sembilan orang adik beradik pula diberi tanggungjawab mengendalikan restoran milik keluarga ini," katanya ketika ditemui krew QIADAH baru-baru ini.

Ketika mula-mula mengambil alih pengurusan kedai tersebut, beliau mengeluarkan modal tambahan sebanyak RM4,000 bagi menambah peralatan kedai. Bagi anda yang ingin mencuba masakan di sini, Restoran Nasi Ayam Kampung beroperasi bermula jam 7.30 pagi hingga 5.00 petang. Biar pun dibantu tujuh pekerja, namun Nur Zamani masih tidak menang tangan melayan pelanggan.

Ditanya kenapa menjadikan nasi ulam dan ayam kampung sebagai menu utama restorannya, beliau berkata, selain ingin mengekalkan *trademark* nenek serta ibunya, makanan tersebut turut diminati ramai. "Sebab itu banyak restoran nasi ulam dibuka di negeri ini terutama di bandar Kota Bharu. Selain itu nasi ulam memberi khasiat kepada kesihatan kita. Itu diakui semua. Tambahan pula kami tak gunakan perasa dalam menyediakan masakan kami," ujarnya.

Biar pun pelbagai jenis juadah disediakan, namun masakan ulam kampung tetap mendapat permintaan ramai khususnya waktu makan tengahari. Harga yang dikenakan kepada pelanggan juga berpatutan antara RM30 hingga RM45 iaitu bergantung kepada



jenis lauk yang diambil. Nur Zamani juga memberitahu beliau sentiasa mendapat dorongan daripada suami tercinta, Khairuddin Mat Isa, 41.

Malah suami mencadangkan agar menu masakan dipelbagaikan seperti gulai ikan kering, kambing, ikan keli percik dan goreng bagi memenuhi kehendak pelanggan. Bercerita mengenai perniagaannya, Nur Zamani kini membuka cawangannya di Kampung Chicha Jalan Pasir Puteh dengan nama KBC (Kota Bharu Chicken). Restoran itu diuruskan oleh adiknya Siti Dahlia Wani, 26. KBC beroperasi sejak dua tahun lalu. Beliau juga berhasrat menambah lagi rangkaian perniagaan ke negeri-negeri lain khususnya di sebelah utara termasuk Kedah dan Pulau Pinang.

"Tempatnya sudah ada, Insya-Allah ia akan dibuka pertengahan tahun ini," ujarnya. Ditanya persaingan

restoran nasi ulam yang semakin banyak sekarang, katanya sudah menjadi adat berniaga, persaingan ada di mana-mana. Beliau memegang prinsip rezeki ada di mana sahaja. "Lagi pun setiap restoran mempunyai keistimewaannya tersendiri", ujarnya lagi.

"Memang saya akui kedai makan sebegini semakin banyak, tetapi tentu ada perbezaannya di mana resipi yang digunakan adalah tidak sama," ujar Zamani yang tidak lokek mengukir senyuman. Beliau merupakan generasi kedua peranakan Melayu-Cina hasil perkongsian hidup datuknya Lee Choo Teatt dan neneknya Bidah.

Ibu kepada seorang anak ini turut berkongsi pandangan dengan belia yang berminat untuk memulakan perniagaan. Nasihatnya, usah takut kepada saingan kerana rezeki untuk setiap manusia tetap ada selagi mereka mahu berusaha.

"Jatuh dalam perniagaan bukan bererti jatuh untuk selama-lamanya, sebaliknya jadikan ia sebagai tongkat untuk terus bangkit memulakan langkah baru. Insya-Allah kita akan berjaya," ujar Nur Zamani mengakhiri perbualan.



www.proton.com



**THE MOST PREFERRED
BRAND IN AUTOMOTIVE.**



Wakil Jualan
PROTON 153165-D
JM OTOMOBIL SDN. BHD.
PT 383, Depan MBB Wakaf Siku, Jln. Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-744 8500/8300 Faks: 09-744 9321
E-mel: JM_OTOMOBIL@proton.com



**Y.M. DATIN BENTARA SETIA
HAJJAH TUAN SABARIAH
BINTI TUAN ISHAK**
Yang DiPertua Purnama

Purnama

Purnama penjana masa depan ummah

SEJARAH RINGKAS PURNAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama Pertubuhan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat dan Pegawai-pegawai Kanan Kelantan Darulnaim 99 ringkasannya "PURNAMA 99". Diketuai oleh YDP YM Datin Bentara Setia Hajjah Tuan Sabariah Binti Tuan Ishak, isteri YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan.

Ianya mulai bergerak sejak PAS mengambil alih tampuk pemerintahan daripada BN pada tahun 1990, penubuhan ini bertujuan untuk mewujudkan satu wadah di kalangan isteri pemimpin agar bergerak sebagai satu kumpulan bagi seluruh Negeri Kelantan.

Untuk memudahkan urusan, pertubuhan ini beroperasi di Pejabat Menteri Besar Kelantan di Kompleks Kota Darulnaim yang diseliakan oleh Setiausaha Kerja PURNAMA. Pertubuhan ini dianggotai oleh isteri-isteri wakil rakyat termasuk Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dan Dewan Negara serta isteri Pegawai Kanan Kerajaan Kelantan.

MATLAMAT PENUBUHAN

- Menjalin dan mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli-ahli pertubuhan.
- Mengembeling tenaga dan daya usaha ahli-ahli Pertubuhan untuk memberi kebajikan kepada mereka yang kurang bernasib baik.
- Mengadakan majlis-majlis ceramah atau syarahan agama kepada ahli-ahli dan masyarakat umum bagi menambah pengetahuan.
- Mengumpul kewangan yang diterima dalam bentuk derma-derma atau sumbangan orang perseorangan dan pertubuhan berdaftar ataupun melalui kegiatan-kegiatan oleh ahli-ahli pertubuhan



PERTUBUHAN AMAL & KEBAJIKAN ISTERI-ISTERI WAKIL RAKYAT & PEGAWAI KANAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN (PURNAMA 99)
Pejabat Menteri Besar Kelantan, Kota Darulnaim
15502 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-748 1621 (Pn. Hajjah W. Azizah bt W. Mahmud)




KOLEJ Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) tidak asing lagi di Malaysia. Institusi Pengajian Tinggi agama ini diwujudkan sebagai kesinambungan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang begitu dikenali sebelum tahun 1978. Oleh itu, bagi mengenali dengan lebih dekat siapa tokoh penting di sebalik KIAS, ikuti temubual wakil QIADAH bersama Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Dr Johari Mat pada 6 Rabiul Awal 1432 di pejabatnya di Nilam Puri.

DATO' DR JOHARI MAT

Nama besar di sebalik KIAS

Oleh : Mazlan Jusoh

Foto : Ahmad Najime Muhammad



Tempat lahir dan tarikh dilahirkan?
Bukit Panau, Tanah Merah pada 28 April 1952.

Latar belakang keluarga?
Saya mempunyai tiga orang adik-beradik seibu sebapa, manakala adik-beradik seibu ada tiga orang di mana kesemuanya sudah meninggal dunia. Adik-beradik sebapa pula seramai empat orang dan sekarang hanya tinggal tiga orang di mana seorang telah meninggal dunia. Jadi yang tinggal sekarang kesemuanya enam orang. Ayah saya Mat bin Mat Sah adalah abang kepada bekas Adun Bukit Panau, Ustaz Yusof Mat Sah. Manakala ayah kepada Adun Bukit Panau sekarang, Abdul Fattah Mahmood ialah abang kepada ayah saya. Saya juga mempunyai hubungan keluarga dengan Adun Kemahang, Dato' Mejar (B) Md Anizam Abdul Rahman.

Ayah hanya kerja kampung. Hanya orang biasa dan bukan guru agama. Emak, Fatimah Ahmad. Ayah pernah dilantik sebagai penghulu pada zaman pemerintahan PAS di bawah Dato' Mohd Asri Muda di Bukit Panau. Ayah juga pernah berperanan sebagai anggota keselamatan parti di peringkat Tanah Merah dan negeri. Pernah juga dilantik sebagai ahli majlis, Majlis Daerah Tanah Merah selepas tahun 1990 ketika kerajaan PAS sekarang. Beliau meninggal dunia pada tahun lepas ketika berusia lebih 80 tahun.

Pendidikan awal?
Peringkat rendah saya belajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Panau, kemudian Sekolah Menengah Arab Ihsan, Tanah Merah. Selepas itu Maahad Muhammadi Kota Bharu. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Yayasan Pengajian Tinggi Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri dalam bidang syariah dan undang-undang sehingga mendapat ijazah. Pada tahun 1978, saya melanjutkan pelajaran ke Universiti Imam Mohd Ibn Saud al-Islamiyah, Arab Saudi di peringkat Sarjana dan mendapat biasiswa daripada kerajaan Arab Saudi.

Pada tahun 1990, sekali lagi saya melanjutkan pelajaran di universiti yang sama di Arab Saudi di peringkat PhD pada tahun 1994. Saya juga mendedah bidang undang-undang dan kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2007.



Adakah Dato' bekas pelajar YPTIK?
Ya, ijazah pertama saya diperolehi di YPTIK di Nilam Puri. Ijazahnya diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar, Mesir. Lulusan ijazah di YPTIK layak untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana di Al-Azhar. Bagaimanapun kerajaan Malaysia tidak mengiktirafnya. Lulusan YPTIK sama dengan sijil Kolej Islam Malaya yang juga pernah wujud sebelum ini, sebelum diserap menjadi sebahagian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kesan apabila kedua-dua sistem pengajian tinggi agama itu dimansuhkan?
Pada saya ia satu kerugian besar. Ya, dari sudut akademik kita rugi. Kita serah YPTIK menjadi Akademi Islam Universiti Malaya (UM) memanglah tarafnya akan naik, tetapi YPTIK tidak naik taraf kerana ia sudah mati. Kita matikan sebuah sistem pendidikan yang sudah lama kita bina. Kenapa kita wujudkan YPTIK ketika itu? Ia bertujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah menengah agama yang ada di Kelantan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan sistem pengajian agama yang ada ketika itu, tidak memungkinkan mereka dapat melanjutkan pengajian ke universiti tempatan. Jadi kerajaan Kelantan ketika itu mewujudkan YPTIK. Selepas itu ramai pelajar dari seluruh Malaysia dan negara luar datang belajar di sini. Kerajaan persekutuan tidak mengiktiraf kerana mengikut akta, pengiktirafan hanya diberi kepada universiti yang diwujudkan di

bawah Akta Parlimen dengan dikendalikan oleh pihak Kementerian. Dan YPTIK diserap menjadi sebahagian daripada UM.

Ini bermakna sistem pendidikan yang kita bina sudah mati. UM sudah ada sistem sendiri. Begitu juga dengan nasib Kolej Islam Sultan Zainal Abidin (KUSZA) di Terengganu yang diserap menjadi Universiti Darul Iman. Sistem pendidikan yang dibina di peringkat negeri merupakan kejayaan sesebuah negeri memiliki sistem pendidikan sendiri. Ia menjadi kebanggaan sesebuah negeri. Kelantan ketika itu ada YPTIK. Terengganu ada KUSZA dan Selangor ada Kolej Islam Malaya. Sekarang semua itu sudah tidak ada lagi.

Bila belajar di YPTIK?
Yayasan pengajian itu diwujudkan pada tahun 1965. Dr Mahmood Daud merupakan generasi kedua yang belajar di YPTIK dan sekarang mengajar di KIAS. Prof. Dato' Dr Mahmood Zuhdi pula merupakan pelajar kumpulan pertama di YPTIK. Saya masuk belajar di situ pada tahun 1972 dan tamat belajar pada tahun 1975. Pada tahun 1976, saya dilantik sebagai tutor di YPTIK.

Pada tahun 1978, saya melanjutkan pelajaran ke universiti di Arab Saudi. Saya masih ingat pelajar yang sekelas belajar dengan saya ketika itu iaitu Dr Mohd Zaki Ibrahim, sekarang beliau mengajar di UM. Selain itu Ustaz Mohamad Hussin (anggota parlimen Pasir Puteh), Ustaz Alwi Jusoh (bekas anggota parlimen Pasir Puteh), Ustaz Idris Ahmad (bekas ADUN Tawang) dan Dato' Sukri Mohamad (Mufti Kerajaan Kelantan). Kemudian, YPTIK diserap menjadi Akademi Pengajian Islam UM pada 1 April 1981, jadi secara automatiknya semua tenaga pengajar yang berminat diserap menjadi pensyarah di UM.

Benarkah tidak ramai rakyat Malaysia yang mendapat PhD di Arab Saudi?
Setakat ini apa yang saya tahu hanya empat orang sahaja. Mereka adalah Dr Mohd Radzi Othman dari Pulau Pinang dan tiga lagi dari Kelantan iaitu saya, Dr Mohd Najib Abdullah dan Dr Abdul Basit Abdul Rahman. Ketiga-tiga mereka belajar di Universiti Islam Madinah kecuali saya seorang di Universiti Imam Mohd Ibn Saud al-Islamiyyah di Riyadh. Sebenarnya ramai pelajar yang berminat untuk menyambung pengajian di sana tetapi tahap



Pada awalnya hasrat saya adalah untuk menyebarkan ilmu melalui kemudahan internet namun tidak berkesempatan.

Bila berkhidmat di KIAS?

Saya bersara awal daripada UM ketika berusia 50 tahun pada tahun 2003. Pada awalnya saya balik ke Kelantan kerana ditukarkan ke Akademi Pengajian Islam UM di Nilam Puri. Sebelum itu kerajaan negeri pernah menulis surat kepada UM memohon dipinjamkan saya berkhidmat di KIAS, namun pihak UM tidak bagi. Memang pada peringkat awal apabila balik bertugas di Akademi Islam tidak ada lagi niat hendak berkhidmat di KIAS kerana surat kerajaan negeri sebelum ini tidak dilayan oleh UM. Saya ditukarkan ke kampus di Nilam Puri pada November 2001. Memandangkan tenaga saya diperlukan di KIAS maka pada Mei 2003 saya meletak jawatan dengan bersara awal. Saya diberi tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KIAS.

penerimaannya adalah terhad. Kuota bagi setiap negara yang diterima adalah sedikit. Saya mendapat biasiswa kerajaan Arab Saudi. negara yang diterima adalah sedikit. Saya mendapat biasiswa kerajaan Arab Saudi.

Dan ketika menyambung di peringkat PhD, saya ditaja oleh UM. Saya juga memiliki diploma undang-undang syariah dari UIA dan berdaftar dengan Persatuan Peguam syar'ie. Sebelum ini UIAM memberi ruang kepada KIAS mencari pelajarannya dan belajar di kampus kita di sini. Program itu masih berjalan, di mana sekarang dua kumpulan pelajar berdaftar di bawah UIAM.


Hobi / minat?

Kalau zaman muda-muda dulu saya minat sukan bola sepak dan badminton. Tetapi sekarang hanya satu yang menjadi minat saya iaitu membaca. Kategori buku yang saya baca iaitu bercorak ilmiah dalam pelbagai bidang terutamanya bahasa Arab. Saya juga suka baca majalah ilmiah dan jurnal. Setiap hari saya baca empat akhbar iaitu Sinar Harian, Metro, Berita Harian dan Utusan Malaysia. Saya tengok internet hanya untuk mencari bahan ilmiah. Saya juga ada akaun facebook dan blogspot.

Pada pandangan Dato' adakah kemunculan KIAS mampu menggantikan YPTIK yang dimansuhkan pada tahun 1978?

Selepas PAS mentadbir semula negeri Kelantan pada tahun 1990, tidak lama kemudian kerajaan negeri mewujudkan semula institusi pengajian tinggi agama seperti YPTIK. Maka pada tahun 1994, diwujudkan Maahad ad-Dakwah Wal Imamah. Penubuhan institusi pengajian tinggi agama itu terkandung dalam manifesto pilihan raya PAS pada tahun 1990. Kemudian pada tahun 1999, Maahad ad-Dakwah dinaikkan taraf menjadi KIAS seperti yang wujud sekarang. Jadi hasrat kerajaan negeri untuk mewujudkan YPTIK sudah menjadi kenyataan sekarang. Cita-cita kerajaan negeri sudah tercapai bagi melahirkan institusi pengajian tinggi agama. Kalau hendak tengok sejauh mana pencapaiannya ia adalah perkara subjektif.

Walau apa pun kita telah berjaya mengembalikan sejarah dahulu sebagai sebuah institusi pengajian yang ditubuhkan oleh kerajaan. Kerajaan negeri juga berjaya menggunakan pengajian dalam bahasa Arab serta Maahad ad-Dakwah dan KIAS juga diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar. Kerajaan negeri telah hampir mencapai matlamatnya.



“Diploma KIAS sama dengan mana-mana diploma yang dikeluarkan institusi pengajian tinggi di negara ini bagi pelantikan mana-mana jawatan yang setaraf dengannya.”

KIAS biar pun tidak terkenal seperti YPTIK namun sedang mengorak langkah ke arah itu. Cuma perbezaan kerana perubahan masa sekarang kita tidak bergantung sepenuhnya kepada Mesir. Kita boleh keluarkan sijil sendiri yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Diploma KIAS adalah sama dengan mana-mana diploma yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi di negara ini bagi pelantikan mana-mana jawatan yang setaraf dengannya. Sekarang KIAS menawarkan tujuh diploma iaitu Syariah, Usuluddin, Dakwah Wal Qiadah, Bahasa Arab, Muamalat Islam, Tahfiz Quran Wal Qiraat serta Qiraat dan Taranum. Diploma Qiraat dan Taranum satu-satunya yang diperkenalkan di negara ini sekarang. Ia bermula pada tahun lepas. Sekarang pelajar pengajian berkenaan berada di semester kedua.

Begitu juga dengan dua lagi diploma iaitu Muamalat Islam dan Tahfiz Quran Wal Qiraat diperkenalkan tahun lepas. KIAS juga menawarkan dua program ijazah yang kita laksanakan secara berkembar (twining) dengan Kolej Universiti Insaniah di Kedah (KUIN), iaitu Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Usuluddin.

Ia dikenali sebagai 4 + 0. Pelajar akan belajar di sini dan hanya hadir di KUIN pada majlis konvokensyen sahaja. Sekarang pelajar sulung program berkenaan berada di semester keempat. Pelajar tersebut mempunyai dua tahun (empat semester) lagi bagi menamatkan pengajian untuk mendapat Sarjana Muda.

Sejauh mana kewibawaan pensyarah di KIAS? Sekarang KIAS mempunyai 52 orang pensyarah di mana 11 orang daripadanya mempunyai kelayakan kelulusan peringkat PhD, 16 orang pensyarah mempunyai Master dan selebihnya Ijazah kelas pertama. Dua orang pensyarah KIAS dijangka akan memperolehi PhD tidak lama lagi. Manakala empat orang lagi pensyarah juga sedang mengikuti pengajian peringkat PhD dalam bidang pengajian Islam di universiti tempatan., dan seorang lagi akan menyusul selepas ini.

Mungkinkah KIAS sudah menyamai populariti YPTIK?

Sukar hendak diukur secara tepat, namun boleh dikatakan sudah menghampiri tahap kejayaan YPTIK. Cuma kita tiada pelajar yang tamat tahun empat boleh menyambung terus ke peringkat Master di Universiti Al-Azhar. Kemampuan pelajar KIAS lebih kurang sama dengan lulusan pengajian tinggi di tempat lain. KIAS juga mengadakan MoU dengan universiti Islam di Indonesia iaitu Ar Raniri Aceh, Raden Intan Lampung, Universiti Sultan Taha Jambi dan sebuah lagi universiti di Padang.

Selain itu kerjasama dengan Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), UKM, UM, Universiti Kaherah, Universiti Al-Hasyimiah Jordan, Universiti Al-Yarmouk Jordan, Universiti Al-Bayt Jordan dan Universiti Jordan. Pelajar yang tamat diploma di KIAS hanya memerlukan setahun setengah atau dua tahun untuk mendapat ijazah. Mereka boleh transfer kredit.

Sejauh mana pasaran kerja bagi lepasan KIAS?

Sudah ramai pelajar yang menamatkan pengajian mendapat tawaran kerja di sektor kerajaan dan swasta. Baru-baru ini ramai di kalangan mereka mendapat tawaran menjadi guru mengajar Jawi, Al-Quran dan Fardhu Ain (JQAF) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Berapa bilangan pelajar dan bagaimana kedudukan KIAS berbanding dengan IPTS lain?

Sekarang, bilangan pelajar adalah seramai 1,048 orang dan bilangan pensyarah adalah seramai 52 orang. Institusi pengajian tinggi di negara kita dikategorikan kepada dua jenis iaitu di bawah kerajaan (IPTA) dan swasta (IPTS). Bagi mana-mana institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan bukan di bawah Kementerian tidak dianggap sebagai IPTA walaupun ditubuhkan oleh kerajaan negeri. Sebab itulah KUIN, Unisel dan KUIS semuanya ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Pendaftaran Syarikat. KIAS masih lagi dikenali sebagai kolej dan bukan kolej universiti seperti KUIN atau KUIS. Ini kerana ia perlu memenuhi 14 kriteria ditetapkan bagi mencapai tahap kolej universiti. Bagaimanapun proses ke arah itu sedang berjalan.

Insyallah pada akhir tahun ini KIAS akan dinaik taraf menjadi sebuah kolej universiti. Bagaimanapun dari segi kualiti pelajar adalah sama. Pelajar dari luar negara pun ada belajar di sini termasuk dari Thailand, Singapura, Kemboja, China dan Indonesia. Pelajar lepasan KIAS yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian di tempat lain mengakui ada kelebihan ketika belajar di KIAS. Di KUIN atau KUIS, bilangan pelajar lebih ramai kerana banyak program pengajian ditawarkan. Kolej tersebut dikendalikan terus oleh kerajaan negeri dan tidak diletak di bawah badan lain. Pensyarah mereka diletak di bawah skim pegawai kerajaan. Sebab itulah seorang timbalan rektor KUIN merupakan pegawai tadbir negeri. KIAS diurus di bawah Akademik Yakin Sdn Bhd, anak syarikat Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN). Tahun ini kerajaan negeri memberi geran sebanyak RM1 juta untuk KIAS.

Mengapa tidak dinamakan ketua pentadbir di KIAS sebagai Rektor atau Naib Canselor?

Sebenarnya dari segi nama ia tidak menimbulkan masalah. Memang diakui nama sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) tidak memperlihatkan nama yang ilmiah. Namun disebabkan KIAS ditubuhkan di bawah akta syarikat, maka disyaratkan seorang daripada pegawai tadbir utama dikenali sebagai CEO. Ada

sesetengah CEO itu dikenali sebagai Rektor.

Apakah KIAS tidak risau dengan persaingan IPTS lain?

Sememangnya kita sudah bersaing tetapi dalam realiti bilangan pelajar KIAS sentiasa meningkat. Dalam perancangan terdekat, kita akan memohon tiga lagi program baru yang akan ditawarkan di KIAS. Tiga program baru itu akan dihantar kepada Malaysian Qualification Agency (MQA) untuk mendapatkan kelulusan. Program itu dalam bidang agama dan pendidikan. Kita sebenarnya sedang merangka untuk mempelbagaikan bidang *Hardcore* subjek di KIAS mesti berteraskan agama Islam.

Harapan Dato'?

Saya berharap KIAS akan muncul sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi agama yang utama di rantau nusantara. Sekarang pun sudah ramai pelajar dari negara luar yang mendalami ilmu agama di sini. Suasana pembelajaran yang kondusif di Kelantan memberi kelebihan kepada KIAS. Lebih-lebih lagi KIAS akan dinaik taraf menjadi kolej universiti tidak lama lagi.

Di antara Jurnal Akademik yang dihasilkan:

- Akidah Ahl Sunnah Wal Jamaah
- Al Ghuluw Dalam Akidah Islam
- Ahl As Sunnah Wa Al Jamaah
- Hasad: Kesannya terhadap individu dan perpecahan masyarakat dalam Al Manar
- Ketokohan Imam Abu al Hassan Al Asy'ari
- Akidah Islam dalam menghadapi cabaran semasa
- ~ Karya-karya Akidah
- Manhaj Akidah Imam Abu Hassan As Asyari
- Selawat Ke Atas Rasulullah
- Ajaran Sesat: Satu Pengenalan Ringkas
- Al Imam Al Syafie
- Peranan Maahad Tahfiz dan Para Hufaz di Malaysia

Pakej Umrah
Tiket Penerbangan
Pelancongan Dalam Negara
Pelancongan Luar Negara
Penginapan Hotel

No. Tel Hotel: 09-747 8989
Faks Hotel: 09-747 7666
Tel. Bimbit: 013-923 7000

al Quds TRAVEL SDN BHD
Wisma Al Quds, 650, Jln Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim
Tel: 09-747 9999 Faks: 09-747 5105
Tel. bimbit: 013-339 9000
Laman Web: <http://alquds.com.my>

Peta ke Al Quds Travel

North is Red in the Shed

TOURISM MALAYSIA



CHENG HO EXPO

KELANTAN-CHINA
INTERNATIONAL TRADE FAIR

2010

Kelantan - China
International Trade Fair
FRIENDSHIP
& PROSPERITY

Hubungan Muslim Sedunia di rai

Oleh : Shariah Derahman
Foto : Ahmad Nai'me Muhammad

Nama Laksamana Cheng Ho, seorang pelayar Cina Muslim dari China yang berjaya mengelilingi dunia telah diabadikan sempena ekspo hub halal yang telah diadakan di Kota Bharu pada 21 sehingga 26 November 2010. Nama Laksamana Cheng Ho telah dipilih sebagai nama ekspo tersebut kerana Cheng Ho merupakan seorang laksamana yang menjadi ikon bagi rakyat China. Pahlawan itu berjaya merapatkan hubungan persaudaraan di antara dua negara iaitu Malaysia - China.

Ekspo yang bertemakan *Friendship and Prosperity* ini membawa maksud persahabatan dan kemakmuran seluruh Muslim di dunia utamanya Malaysia dan China. Majlis perasmian ekspo ini telah disempurnakan oleh Tengku Mahkota Kelantan, KDYMM Tengku Muhammad Faiz Petra Ibni Sultan Ismail Petra. Ekspo ini telah disertai oleh 162 pedagang luar negara dan 100 usahawan tempatan. Selain itu tetamu dari Brunei, Singapura, Pakistan, Kazakhstan, Kyrgyzstan dan negara Asia Tenggara lain juga turut serta dalam ekspo tersebut.

Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat melahirkan kesyukuran dan menyifatkan penganjuran Ekspo Cheng Ho 2010 berjaya mencapai matlamatnya dan telah berjaya

menyatukan Muslim dari dunia berbeza, iaitu Malaysia, China, serta beberapa buah negara lain.

lanya berdasarkan sambutan di luar jangkaan sepanjang tempoh enam hari penganjuran yang bertempat di sekitar perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV dan Kelantan Trade Centre. Kejayaan itu juga diukur bukan sahaja dari kunjungan rakyat negeri ini, namun juga pelancong dari luar negara. Sambutan luar biasa itu juga menyebabkan banyak kedai ditutup awal kerana kehabisan barangan jualan.



Majlis Perasmian Cheng Ho Expo 2010 telah disempurnakan oleh Tengku Mahkota Kelantan



Persembahan Akrobatik oleh Adili Wuxor



Persembahan Kung-fu Shaolin

“Al-Quran berkenaan tidak pernah dipamerkan di mana-mana tempat sebelum ini. Ia satu penghargaan buat rakyat Kelantan”

Menurutnya lagi, program tersebut telah berjaya merapatkan hubungan bangsa China Muslim dan Melayu Muslim khususnya, kerana Islam adalah agama suci sedunia. “Saya sentiasa terfikir bagaimana cara untuk menyatukan semua bangsa di dunia ini khususnya sesama Islam biarpun dari negara serta benua yang lain agar ianya dapat berkenalan di antara satu sama lain,” ujarnya.

Pameran Al-Quran terpanjang di dunia iaitu 281 meter yang ditulis dengan tangan di atas tembaga bersalut emas, bernilai RM300 juta juga menjadi tarikan sempena Ekspo Cheng Ho 2010. Pameran tersebut telah diadakan di Kelantan Trade Centre (KTC). Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri, Dato' Husam Musa berkata, “Al-Quran berkenaan tidak pernah dipamerkan di mana-mana tempat sebelum ini.

Ia satu penghargaan buat rakyat Kelantan apabila Al-Quran berkenaan buat pertama kalinya telah dipamerkan di negeri ini.” Selain itu artifak lain dari China melibatkan barangan sejarah Cheng Ho juga dipamerkan sempena ekspo berkenaan.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Kumpulan juga tidak ketinggalan dalam menyertai ekspo tersebut di mana pameran telah diadakan sepanjang berlangsungnya ekspo. Pameran itu telah disertai oleh Jabatan Hartanah PMBK, dan anak-anak syarikat seperti Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd, Kifaalah Sdn Bhd, Darul Digital Multimedia Solution Sdn Bhd dan Tunjong Development Corporation Sdn Bhd.

Jabatan Hartanah mempromosikan Bazar Tok Guru dan perumahan Wadi Iman, manakala Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd pula mempromosikan produknya yang berasaskan kelapa dara dan teknologi tisu kultur, bagi Darul Digital Multimedia Solution pula, mereka mempromosikan animasi dan perkhidmatan yang terdapat di pusat mereka. Pelbagai agensi kerajaan dan swasta lain turut menyertai pameran yang telah diadakan di Kelantan Pavillion.

Pameran ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di mana pengunjung sentiasa memenuhi pameran ini kerana terdapat





Majlis Jamuan Perdana Ekspo Cheng Ho 2010 juga telah diadakan pada 26 November 2010 di Kota Darulnaim bagi meraikan delegasi dari China serta tetamu luar negara sebagai tanda berakhirnya ekspo berkenaan. Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar juga melahirkan kesyukuran kerana sepanjang tempoh penganjuran, tiada sebarang unsur hiburan melampau diketengahkan penganjur. "Konsep hiburan juga telah disalah ertikan sehingga mereka memahami berhibur mesti ada perempuan, namun kita telah ketengahkan sesuatu yang lebih baik," ujarnya lagi.



Katanya, kerajaan Kelantan telah mengengahkan hiburan tanpa menggunakan perempuan, sebaliknya hanya kecerdikan dan kepakaran manusia bagi menggambarkan masyarakat berkenaan yang hebat. Sempena majlis ini juga persembahkan seni silang budaya dipersembahkan yang membabitkan kebudayaan Kelantan dan China. Kelantan mempersembahkan permainan gasing dan dikir barat, manakala China mengadakan persembahan kung fu Shaolin dan Khairat Aziz yang telah mencipta nama diperingkat dunia dengan kehebatan akrobatiknya.



pelbagai pilihan makanan dan barangan untuk dimiliki.

Manakala di China Pavillion pula menyaksikan barangan makanan, pakaian dan perkhidmatan dari negara China. Kebanyakan mereka adalah pedagang dari China dan pelbagai barangan di pameran serta dijual. Untuk International Pavillion pula, pelbagai negara menyertai pameran di sini termasuklah Thailand, Myanmar dan sebagainya. Satu pusat jualan juga terdapat di ekspo tersebut di mana barangan yang dijual adalah hasil daripada usahawan tempatan yang kebanyakannya dari Kelantan. Di antara tarikan utama ekspo ini juga ialah persembahan akrobatik daripada Adili Wuxor yang pakar dalam melakukan pelbagai aksi di atas tali sehingga beliau di gelar 'Prince of Tightrope Walking' oleh media China.



وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ
"DAN KAMI JADIKAN TIAP-TIAP SESUATU YANG HIDUP DARI AIR"
Surah Al-Anbia (Ayat 30)



AIR KELANTAN SDN BHD

Tingkat 5, Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan,
Lot 2 & 257, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-743 7777 | Fax : 09-747 2030

www.airkelantan.com.my

Aduan Pusat Informasi & Talian Aduan AKSB
PINTAS
1-300-88-2572



".....Allah akan mengangkat derajat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu di kalangan kamu dengan beberapa derajat....." (Ayat 11 surah al-Mujadalah)

Anda ingin:

**Ngaji Biar Pandai, Prangai Biar Elok
Hidup Biar Boleh tumpang**

- Diploma Kejuruteraan Elektronik
- Diploma Pengurusan Teknologi
- Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)
- Diploma Sains Komputer (Multimedia)
- Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)
- Diploma Pengajian Islam (Al-Quran & As-Sunnah)
- Diploma Perbankan Islam
- Diploma Komunikasi
- Diploma Multimedia
- Diploma Pengurusan Perniagaan

DAFTAR SEKARANG

**KAMI HANYA MENYEMAI BENIH
ANDA YANG AKAN MENUAI HASILNYA**

Sila hubungi kami:
Jalan Padang Golf, 16100 Pengkalian Chepa, Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.
09-7747200, 09-7749200
www.ktd.edu.my


PERDANA RESORT **PCB Beach**
Charmingly Different - Pesona Berbeza

ROTI JALINAN COMBO **PERDANA STEAMBOAT** **SEAFOOD COMBO**

RM 7.00 nett set / person **RM 18 nett / person (min: 2 pax)** **RM 15 nett / person**

CHINESE FOOD PROMOTIONS
HARGA SERENDAH DARI **RM 60.00 nett**

Untuk Maklumat / Tempahan Sila Hubungi:
JABATAN PEMASARAN DAN KOMUNIKASI
PERDANA RESORT PCB BEACH
Jalan Kuala Pa' Amat, Pantai Cahaya Bulan,
P.O. BOX 121,
15710 Kota Bharu, Kelantan.
TEL: 09/774 4000 / 019 912 3440
09/774 2284 / 86/86/87/88/89/90
FAX: 09 774 4980
e-mail : sales@perdanaresort.com.my website : www.perdanaresort.com.my



MUSLIM TOUR PACKAGE

5D 4N TAIWAN : from
RM 2499 P/PAX

4D 3N JAKARTA - BANDUNG : from
RM 550 P/PAX

AUSTRALIA (5 Days - Auckland)
free&easy
*Melbourne - Auckland - Rotorua

5D 4N BEIJING : from
RM 240 P/PAX

3D 2N THAILAND - HATYAI : from
RM 290 P/PAX

FLEXI - EUROPE
(Air Ticket + 3N Hotel) from
RM 3888 P/PAX

3D 3N VIETNAM : from
RM 620 P/PAX

6D 5N KOREA : from
RM 2599 P/PAX

UMRAH ZIARAH
(12 Days) from
RM 4888 P/PAX

MAKE A RESERVATION NOW
WITH OUR SALES TEAM :

HASMALIZA :019 3057822

REHA :013 9062720

IRWAN :012 9001471

MALIS :017 9547450



GROUND
ONLY

20 Tempat Duduk



AnF Holidays juga
menyediakan :

**BAS UNTUK
DISEWA**



40 Tempat Duduk

Malaysia AirAsia Firefly

- Ticket And Reservation
- Meeting And Seminar (MICE)
- Education Tourism
- Boat/ Cruise
- Hotel And Resort Reservation
- Visa Services
- Golf
- Medical Tourism



TEAN SIONG TRADING

KT 0228228-D

Sabrina Court, Suite 8, Jalan Padang Garong
15000 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7416 999 Faks: 09-7416 990

Emel: teansiong@hotmail.com



SARANG BURUNG WALIT

- ➔ Khidmat perundingan bagi rumah burung walit
- ➔ Jual beli sarang burung walit
- ➔ Menjual alat-alat sarang burung walit
- ➔ Menyediakan kursus pemprosesan sarang burung walit
- ➔ Penjualan produk sarang burung walit
- ➔ Mengeksport sarang burung walit ke luar negara:
 - ➔ Hong kong
 - ➔ Singapura
 - ➔ Taiwan
 - ➔ China



100% سارغ بوروغ واليت
100% sarang burung walit

تنقاغاويت
tanpa pengawet

تنقاقلونتور
tanpa peluntur

تنقافورنا
tanpa pewarna

PROGRAM PERANCANGAN STRATEGIK KUMPULAN PMBK 2011

Oleh Shariah Derahman
Foto Ehsan dari urusetia & peserta kursus

Merangka Strategi Memantap Organisasi

"Merangka Strategi Memantap Organisasi" telah dipilih sebagai tema bagi Program Perancangan Strategik (Strategic Planning) PMBK bagi tahun 2011. Program yang dianjurkan oleh Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran PMBK telah diadakan pada 7 hingga 11 Safar 1432H bersamaan 13 hingga 16 Januari 2011 bertempat di Lake Kenyir Resort & Spa, Terengganu. Seramai 35 orang peserta menyertai kursus ini yang terdiri daripada pengurus dan eksekutif PMBK serta anak-anak syarikat.



Urusetia pendaftaran peserta



Diskusi di antara kakitangan PMBK



Sesi CEO address



Sesi Methodology Walk-Through

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk merangka strategi untuk jangka masa 5 hingga 10 tahun akan datang dan membentuk hala tuju bagi memantapkan PMBK dan anak-anak syarikat di mana strategi yang berkesan amat penting dalam pembangunan sesebuah organisasi.

Objektif lain adalah untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan, teknik dan kemahiran dalam bidang perancangan dan pengurusan strategik supaya mereka berupaya membawa perubahan ke arah pencapaian perkhidmatan yang cemerlang di dalam PMBK. Para peserta juga didedahkan dengan teknik dan kaedah 'pengurusan risiko' yang berkesan dan kontemporari.

Disamping itu, pendedahan juga diberikan kepada para eksekutif sebagai latihan awal kepada mereka dalam memainkan peranan membangunkan PMBK. Selain itu, sikap kerjasama, semangat kebersamaan dan kerja berpasukan turut diterapkan apabila para peserta berganding bahu dalam memberikan idea menyelesaikan tanggungjawab dan tugas yang telah diberikan oleh fasilitator terlatih.



Syarikat Kifaalah Sdn Bhd



Syarikat Majaari Services Sdn Bhd



Sesi Preview & Closing



Kereta 'Buggy' merupakan pengangkutan utama di resort ini



Gambar kenangan peserta & fasilitator

Sepanjang tempoh program ini, pelbagai modul telah dibincangkan bersama bagi mencapai objektif program iaitu memantapkan organisasi serta kaki-tangannya. Malah, program seumpama ini tidak akan berhenti di sini dan akan diteruskan dari semasa ke semasa demi kebaikan PMBK dan anak-anak syarikat. Di hari akhir program, para peserta mengambil peluang menikmati keindahan Tasik Kenyir dengan menaiki bot mengelilingi tasik berkenaan. Panorama pagi yang sangat menyamankan dan alunan air tasik yang mendamaikan membuatkan kami lupa sudah beberapa hari berada di sini.



KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)
Sultan Ismail Petra International Islamic College
[IPTS07010 (JPS) 5195/IPTS/1007]
ilmu • taqwa • progresif

Tel : 09-7129 386 / 09-7129 387
Faks : 09-7129 444
Laman Web : www.kias.edu.my
E-mel : admin@kias.edu.my

Dapatkan Borang Di Pejabat:
KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)
Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan

Pemohonan melalui mesej:
Nama <> Lepas STM/STPM/STAM <> Alamat hantar ke 012-967 2457

PROGRAM PENGAJIAN

IJAZAH (4+0)

- IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN
- DENGAN KEPUJIAN (PA 10596)
- IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH
- DENGAN KEPUJIAN (PA 10609)

SIJIL

- SIJIL PENGAJIAN ISLAM

MENGAPE MESTI KIAS

- Kurikulum berteraskan sumber wahyu
- Semua program diluluskan oleh MQA dan diiktiraf JPA
- Tenaga pengurusan yang profesional
- Tenaga akademik yang berwibawa
- Kadar yuran pengajian terendah
- Pinjaman PTPTN & YAKIN diuruskan
- Hubungan akademik dengan tempatan & luar negara
- Lokasi strategik "Zon Ilmu Serambi Mekah"
- Medium Bahasa Arab
- Lulusan KIAS berjaya menjawat jawatan di institusi kerajaan dan swasta

DIPLOMA

- USULUDDIN (A 9178)
- AL-SYARIAH (A 9179)
- AL-DAKWAH WAL QIADAH (A 9180)
- BAHASA ARAB (A 6798)
- KEWANGAN ISLAM (KA 10175)
- QIRAAT & TARANUM (KA 9599)
- TAHFIZ AL-QURAN (KA 10090)

SYARAT KEMASUKAN

- IJAZAH**
- Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); atau
 - Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM); atau
 - Kelulusan yang selaraf dan diperakui oleh KUIN
- DIPLOMA**
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat 3 kepujian; dan
 - Lulus Bahasa Arab Komunikasi atau Bahasa Arab Tinggi (kecuali bagi Diploma Qiraat & Taranum dan Tahfiz Al-Quran tidak disyaratkan); atau
 - Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau yang setara
- SIJIL**
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV) dengan mendapat 1 kepujian; atau
 - Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia

TEMPOH PENGAJIAN

- IJAZAH - 8 Semester
- DIPLOMA - 6 Semester
- SIJIL - Diakui setaraf dengan STPM oleh JPA untuk tujuan lantikan
- Pelajar yang berjaya berpeluang menyambung pengajian ke semester 2 program Diploma KIAS

PELUANG MENYAMBUNG PENGAJIAN

- DALAM NEGERI**
- Layak menyambung pengajian ke mana-mana IPTA dalam negeri di bidang berkaitan
- LUAR NEGERA**
- Universiti-universiti Di Jordan (Al-Baith, Al-Yarmouk, Al-Hasyimiah, Al-Urduniah)
 - Universiti Cairo
 - Universiti-universiti di Morocco.
 - Institusi Agama Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin, Jambi, Indonesia
 - Institusi Agama Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia.
 - Institusi Agama Islam Negeri Imam Bonjol, Padang, Indonesia.
 - Institusi Agama Islam Negeri Raden Intan, Lampung, Indonesia.





MAJLIS UCAPTAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN PMBK

Oleh Shariah Derahman
Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Satu majlis telah diadakan bagi meraikan kakitangan PMBK dan anak-anak syarikat sem- pena pentadbiran Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ir Hj Mustafa Salleh yang telah mencecah satu tahun. Lebih kurang 120 orang pengurusan tertinggi serta kakitangan PMBK dan anak-anak syarikat telah menghadiri majlis tersebut yang telah diadakan di Dewan Duyong, Perdana Beach Resort, Pantai Cahaya Bulan.

Majlis yang turut dihadiri oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar juga merupakan majlis julung kali diadakan dan bakal dijadikan aktiviti tahunan bagi PMBK. Di antara objektif majlis ini diadakan adalah untuk melihat kembali pencapaian PMBK dan Kumpulan bagi tahun 2010 dan perancangan hala tuju masa disamping mengeratkan ukhuwah yang terjalin di antara kakitangan PMBK dan anak-anak syarikat.

Ketua pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK juga telah menekankan beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh warga PMBK dan Kumpulan bagi menghayati dan menjayakan teras perkhidmatan Kerajaan Negeri iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) seperti yang diterapkan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi PMBK.



Ketibaan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar



Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar melahirkan harapan beliau kepada PMBK & Kumpulan



Menurut beliau lagi, PMBK perlu memainkan peranan yang signifikan sebagai sumber ilmu dan rujukan kepada anak-anak syarikat serta berupaya menangani permasalahan yang timbul pada masa kini disamping mengoptimum potensi sumber manusia yang sedia ada. PMBK juga perlu melakukan transformasi dan perubahan agar terus relevan kepada rakyat Kelantan khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Sebagai penutup, satu sesi fotografi bersama Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan telah diadakan sebagai tanda kenang-kenangan pada majlis yang penuh makna ini.



Barisan Pengurusan Tertinggi bersama Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar

Time Tunnel **Terowong Masa**

Sumber dan foto ehsan PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN



DULU...

TAMBATAN D'RAJA

Jeti Lama di tepi Sungai Kelantan Bandar Kota Bharu (gambar ini diambil dalam tahun 1905)

The old pier located on the Kelantan riverbank of Kota Bharu (the photograph is taken in 1905)



KINI...

TAMBATAN D'RAJA

Jeti lama yang di tukar nama kepada Tambatan D'Raja. Perahu atau Bahtera Raja diikat (ditambat) di sini semasa berlangsungnya Pesta Sungai yang melibatkan keluarga D'Raja. Versi lain mengatakan Tambatan D'Raja adalah nama yang diberi kepada tempat Perahu atau Bahtera D'Raja yang keluar masuk Istana Balai Besar dahulu.

The Sultans Pier was formally known as the old pier is used to anchor the royal barge during the river festival involving the royal family. Another version tells that the name Sultans Pier is given because the pier is used as a passageway for the royal barge.

By Shariah Derahman in collaboration with Dewan Bahasa & Pustaka (DBP)

Photo Ahmad Nai'me Muhammad

AWAH (SPICES)



Spices are food flavourings made from plants; these usually include cinnamon, black pepper, nutmeg, ginger, allspice, mace, mustard, cardamom, cumin and so on.

Spices have strong taste and smell. Some spices are valued for its tastes while others for its smell. People around the world flavour

their food using spices. Sometimes they are used as preservatives which serve to kill and inhibit bacteria growth. Most of these ingredients are also used for other purposes including medicine, religious rituals, cosmetics, perfume or are simply eaten as vegetables. Pronounced 'are-wah'.

CEYLENG



A container made from bamboo, copper, earth etc (a sort of piggy bank) for safe-keeping of especially money or coins. Pronounced 'chair-laing'.

DEGHAK

To got out for a walk or short journey in order to catch some fresh air or relax. Pronounced 'the-ghak'.

BEGHEK-BEGHEK (DRIZZLE)



Used to describe a drizzle with very fine drops, not heavy or substantial. Pronounced 'be-ghak be-ghak'.

GEMULOH (LATE)

A paronym to address a deceased Muslim person (non-royal). Pronounced 'ghe-moo-loh'.

GHETOK (BRIDGE)



A floating platform made from wood, concrete, metal etc. that links two places separated by a river, sea, cliff etc. Pronounced 'gher-tork'.

LUGA



To feel nauseous as if about to throw up. Pronounced 'loo-gar'.

HOAR (YES)

A word to express the affirmative: yes, true, really, or to reply to someone's call or to express willingness to do something. Pronounced 'hoar'.


e.g. Question: ni hok awak ko? (Is this yours?)

Answer: hoar (that's right).

NGULA

An act of slacking or playing truant at work; using working hours to do other things, sleep or rest. Prondounced 'ngoo-lar'.

KOGHA



To scratch or write with paint, charcoal, chalk, pencil etc. or to produce random lines or writings. Pronounced 'core-gha'.

ILEY

To disappear completely, untraceable. Pronounced 'ee-lair'.

POZEK

Deposit money. Pronounced 'pore-zack'.

JANGOK

To wear clothes / makeup or to beautify oneself so as to look good, beautiful or attractive.

Pronounced 'ja-ngok'.



MAIK

(Majlis Agama Islam Kelantan)



Islam and Malay Customs Council of Kelantan was founded on 17 Safar 1334 H (24 December 1915) by HM Sultan Muhammad IV. It was founded in order to advise HM Sultan as the religious head regarding Islamic affairs and Kelantanese Malay customs. Its main objective is to form and establish a dynamic and progressive Muslim society that is always seeking Allah's pleasure and to spread the related da'wah.

TOK TUA



Father or mother-in-law. Pronounced 'tok-too-war'.

ORK

To refrain oneself from doing something, to hold out for a little longer or to delay the end of something. Pronounced 'ork'.

UTEY



A jungle or an overgrown area. Pronounced 'oo-tear'. It also refers to debt.

WOYAR



Long tube made from rubber etc. to pipe liquid or gas. Pronounced 'war-yar'.



SOGHOK

A chest drawer used to keep small items mounted on a table or wardrobe. Pronounced 'soar-ghork'.





GHONGOK

Edentulous; a condition where some parts of ordered things (teeth, plywood, fences etc.).
Pronounced 'gho-ngok'.

MATAWANG SYARIAH DINAR EMAS & DIRHAM PERAK KELANTAN

- Pembayaran Gaji
- Pembayaran Zakat
- Mas Kahwin
- Perniagaan

Piawaian bagi setiap 1 keping dinar ialah 1 mithqal bersamaan dengan 4.25 gram emas berketulenan 22 karat (917). Piawaian menurut berat tersebut turut dikenali sebagai Piawaian Khalifah Umar Al-Khattab.



SENARAI PENGEDAR RASMI



Permodalan Kelantan Berhad (PKB)	09-741 4343	Sahabat Emas Resources Sdn Bhd	019-912 6235
Pejabat Koperasi Pasar Besar Siti Khadijah	09-741 9568		019-912 2152
Nubex Ventures Sdn Bhd	03-7729 9640	Menara Saujana Sdn Bhd	019-263 2475
	03-7729 9604	Bayu Melawi Sdn Bhd	012-901 1422
		Saudagar Emas Sdn Bhd	013-358 5240



KELANTAN GOLDEN TRADE SDN BHD
LOT 3-14, TINGKAT 3 KB BAZAR, JALAN HAMZAH
15050 KOTA BHARU, KELANTAN
Tel: +609 744 1901 Faks: +609 744 1902

ماتواج شرعية
استدراة فيراقة

CURI...



Komik Tok Ayah disediakan oleh
DD MULTIMEDIA SOLUTION SDN BHD
Pusat animasi anda!